

BAB 2

Sukarno dan Demokrasi Liberal

"Demi pengertian terhadap Soekarno dan bersamaan dengan itu pengertian jang lebih baik terhadap Indonesia-ku jang tercinta "¹

Sukarno.²

PENGENALAN

Bab ini akan dimulakan dengan memberikan latarbelakang Sukarno dan fahaman politik Sukarno. Pengetahuan tentang Sukarno sangat penting untuk memahami keseluruhan proses Demokrasi Liberal dan kegagalan Demokrasi Liberal. Pendedahan awal Sukarno dalam politik sejak usia remaja dengan tokoh-tokoh besar seperti Tjokroaminoto, Alimin, Muso dan Tjipto Mangunkusumo telah mempunyai pengaruh yang besar keatas pemikiran politik beliau.

Fokus perbincangan adalah tentang usaha Sukarno yang mahu memperkenalkan demokrasi yang lebih kepada berkeperibadian Indonesia. Usaha ini menghadapi tantangan hebat dari tokoh-tokoh yang berpendidikan barat seperti Hatta dan Sjahrir. Sukarno juga tidak dapat menegakkan bentuk demokrasi seperti yang difikirkan dan konflik beliau dengan tokoh-tokoh lain membawa kegagalan pada tahap awal pengenalan demokrasi pada awal tahun 1945-1949.

¹Cindy Adams, (Terj.), Major Abdul Bar Salim, Bung Karno: Penjambung Lidah Rakyat Indonesia, P.T. Gunung Agung, Djakarta, 1966, hlm. Pendahuluan.

² Pada zaman penjajahan Belanda, nama Sukarno dieja "oe" mengikut ejaan Belanda namun selepas Indonesia merdeka ejaan Belanda "oe" diubah menjadi "u" dan ramai diantara mereka menggunakan "u" sebagai ejaan resmi. Sukarno sendiri telah meminta namanya ditulis menggunakan "Sukarno" secara resmi namun sepanjang hidup Sukarno, beliau menggunakan ejaan "Soekarno" untuk membuat tandatangannya. Alasan Sukarno ialah bukan mudah untuk mengubah tandatangannya setelah berumur 50 tahun dan beliau masih mengekalkan ejaan Belanda "oe" semasa membuat tandatangan. Untuk tujuan disertasi ini penulis mengekalkan nama resmi Sukarno mengikut ejaan Indonesia, walau bagaimanapun kebanyakan bahan yang diterbitkan sebelum Merdeka masih menggunakan ejaan Belanda.

Latarbelakang Keluarga Sukarno

Nama ayah Sukarno yang penuh ialah Raden Sukemi Sosrodihardjo. Beliau berasal dari kelas bangsawan Jawa Priyayi dan dikatakan dari keturunan Sultan Kediri.³ Sukemi dilahirkan pada tahun 1869, dan merupakan seorang guru sekolah rendah di Singaraja, Bali. Sukemi semasa melanjutkan pelajaran di Sekolah Pendidikan Guru di wilayah Probolinggo Jawa telah menerima unsur-unsur pendidikan Belanda.⁴ Kemungkinan pengaruh ini yang menyebabkan Sukemi sangat mengambil berat tentang pendidikan Sukarno dan Sukemi berpendapat dalam zaman kolonial, tidak mungkin seorang akan mencapai satu kedudukan yang baik tanpa pendidikan Belanda.⁵

Ibu Sukarno pula bernama Idaju Ayu Nyoman Rai Idaju, berasal dari keluarga bangsawan Bali dari kelas Brahmin.⁶ Sukemi semasa bertugas sebagai guru di Singaraja telah bertemu dengan Idaju⁷ dan kedua-dua jatuh cinta. Hasrat Sukemi untuk berkahwin dengan Idaju mendapat tentangan dari keluarga Idaju kerana masalah berbezaan agama. Sukemi beragama Islam manakala Idaju pula beragama Hindu namun kedua-dua malarikkan diri dan berkahwin mengikut upacara Islam.⁸

³ Beliau meninggal dunia pada 8 Mei 1945, semasa berumur 76 tahun. Lihat, Asia Raya, 8 Mei 1945. dan Lihat juga Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography as Told to Cindy Adams, Gunung Agung, Djakarta, 1965, hlm.19.

⁴ M.Y.Nasution, Penghidupan dan perjuangan Ir.Sukarno, Jakarta, 1951, hlm.10. Lihat juga C.L.M, Penders, The Life And Times of Sukarno, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1980, hlm.1.

⁵ Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.29.

⁶ Struktur sosial masyarakat India membezakan manusia mengikut empat varna iaitu Brahmin, Kesateria, Sudra dan Paria. Walaupun begitu kasta Brahmin di Bali ini janganlah disamakan dengan kasta di India kerana tata-sosial di Bali sama sekali tidak sama dengan sistem kasta di India. Lihat A.Sartono Kartodirdjo dalam Majalah Lembaran Sedjarah, yang bertajuk "Struktur Sosial dari Masyarakat Tradisional dan Kolonial" Disember 1969, hlm.42.

⁷ Ada yang bertikaikan tentang Idaju yang dikatakan golongan Brahmin tetapi dia dikatakan dari kasta Sudra. Lihat C.L.M , Penders, The Life and Times of Sukarno, hlm.3.

Kelahiran Seorang Pahlawan

Hasil perkahwinan Sukemi dengan Idaju, mereka dikurniakan seorang orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Anak perempuannya bernama Sukarmini dan dua tahun lebih tua daripada anak lelaki. Anak yang kedua lahir pada tahun 6 June 1901⁹. Anak ini diberi nama Kusnó. Sukemi percaya nama Kusno tidak sesuai kepada Sukarno kerana sering menghidapi penyakit seperti malaria, thypus, dysentary dan bermacam penyakit yang lain. Sukemi telah memberikan nama baru kepada Sukarno iaitu Karna.

Karna adalah seorang pahlawan yang handal dan di samping itu Karna juga mempunyai sifat-sifat terpuji yang lain seperti setia kepada kawan, yakin pada kawan tanpa memikirkan akibat, terkenal kerana keberanian dan kesaktian, yang penting sekali ialah Karna seorang pejuang negara yang setia dalam cerita Mahabaratha.¹⁰ Ayah Sukarno yakin nama baru ini akan memberikan kehidupan baru kepada Sukarno. Dalam bahasa Jawa Karna dan Karno sama sahaja kerana huruf "A" menjadi "O" dan awalan "Su" pada nama seseorang di Indonesia bermaksud baik atau paling baik. Sukarno bermaksud pahlawan yang paling baik.¹¹

⁸ Williard A.Hanna, Eight Nation Makers, ST Martin's Press, 1964, hlm.3 , lihat juga Cindy Adams, Sukarno:An Autobiography, hlm.19.

⁹Terdapat percanggahan pendapat di kalangan sejarawan tentang tahun kelahiran Sukarno. B.R.O.G.Anderson mengemukakan tahun 1899 sebagai tahun kelahiran Sukarno dan alasan beliau ialah umur Sukarno semasa pendudukan Jepun ialah 45 tahun, jika beliau dilahirkan pada tahun 1901 tentunya umur beliau ialah 47 bukannya 45 seperti yang dikatakan oleh sejarawan lain.J.D.Legge pula tidak setuju dengan tahun yang dikemukakan oleh Anderson dan beliau mengambil 1901 seperti yang dinyatakan oleh Sukarno dalam otobiografinya.Alasan Legge ialah jika tahun 1899 menjadi tahun kelahiran Sukarno, tentunya Sukarno telah menghabiskan masa selama 9 tahun di sekolah rendah dan ini mengikut beliau tidak dapat diterima kerana ayah Sukarno sendiri merupakan seorang guru dan tidak mungkin anaknya mengambil masa yang lama untuk menamatkan pendidikan di Sekolah rendah.Lihat B.R.O.G. Anderson, Some Aspects of Indonesian Politics under Japanese Occupation, Ithaca, 1966, hlm. 20. Lihat juga J.D.Legge, Sukarno: A Political Biography, Allan Lane The Penguin Press, 1972. hlm.27.

¹⁰ Sukemi seorang pencinta buku Mahabaratha,cerita klasik Hindu dan beliau telah memilih nama baru ini dari cerita Mahabaratha. Mahabaratha mempunyai pengaruh kuat di kalangan masyarakat Jawa.Lihat J.Dawson, Hindu Classical Dictionary, London, Trubner's Oriental Series, 1913, hlm.99.Lihat juga Bernhard Dahm, Sukarno and The Struggle for Indonesian Independence, Cornell University Press, Ithaca, 1966, hlm.25 dan lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.25-27.

¹¹ Ibid,hlm. 26.

Pendidikan Awal

Sukarno mendapat pendidikan awal di Mojokerto, tempat ayah Sukarno menjadi Manteri Guru¹² di Sekolah Ongkoloro. Di Indonesia pada masa itu belum ada konsep satu bahasa dan biasanya sampai kelas tiga setiap murid menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa daerah. Bermula dari kelas tiga hingga kelas lima guru-guru akan menggunakan bahasa Melayu untuk mengajar murid-muridnya. Biasanya dua kali seminggu anak-anak bumiputra akan diajar dalam bahasa Belanda.

Pada tahun 1914 Sukarno mencapai kelas lima dan ayah Sukarno mempunyai rancangan tersendiri untuk anaknya. Pada masa itu sekolah Bumiputra hanya sampai kelas lima sahaja. Dasar Belanda lebih kurang sama dengan dasar British di Tanah Melayu, memberi sedikit kemahiran supaya mereka lebih maju sedikit daripada ibu bapa mereka¹³ Sukarno memasuki sekolah dasar Belanda yang dikenali sebagai Europese Lagere School (ELS) di Mojokerto sebagai persediaan untuk memasuki sekolah lanjutan Belanda.

Pada masa itu, untuk memasuki sekolah menengah Belanda atau Universiti mestilah mempunyai pendidikan dari sekolah rendah Belanda. Sukarno diterima sebagai murid namun penguasaan bahasa Belanda dikatakan tidak setaraf kelas enam di Sekolah Belanda. Ini menyebabkan Sukarno terpaksa mulai dari kelas lebih rendah. Keadaan ini

¹² Manti-guru bermaksud Guru Besar (Head Master) di sekolah rendah namun pada zaman penjajahan Belanda orang Bumiputra dilarang memakai pangkat guru Besar mereka hanya menggelarkan diri sebagai Matri-guru. Lihat Cindy Adams, Bung Karno: Penjambung Lidah rakjat Indonesia, hlm.39. Lihat juga, Post and Times, Washington, 17 Mei, 1956.

¹³ John Gullick, Malaysia: Economic Expansion and National Unity, London, Ernest Benn Limited, 1981, hlm.23. Lihat juga Abdul Rahman Haji Ismail, " Silat dan Silau Imprealisme British di Tanah Melayu. Langkah dan Buah", dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad, Kolonialisme di Malaysia dan negara-negara lain, Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti, 1990, hlm.91.

menyebabkan Sukarno terpaksa mengambil masa dua tahun untuk menguasai bahasa Belanda.¹⁴ Satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian ialah pada zaman penjajahan Belanda hanya anak-anak pegawai kerajaan dan bangsawan Bumiputera sahaja boleh mengikuti pendidikan Belanda yang lain tidak dibenarkan, ini dinyatakan sendiri oleh Sukarno dalam otobiografinya seperti berikut:

*"Does it work on scholastic ability?" I inquired fearfully. It works on privilege. Government servants and natives of noble birth are allowed the luxury of educating their children. Nobody else."*¹⁵

Sukarno sangat berasas baik kerana berasal dari keluarga bangsawan. Jika tidak mungkin beliau hanya menjadi rakyat biasa tanpa kedudukan seperti yang dinikmati kemudiannya. Dalam otobiografinya Sukarno menyebutkan satu cerita yang mengatakan dia bukan anak kandungan Sukemi dengan Idaju tetapi dia anak seorang pemilik perkebunan kopi Belanda yang mengadakan hubungan sulit dengan seorang buruh perempuan Bumiputera kemudian diserahkan kepada Sukemi dan Idahju sebagai anak angkat.¹⁶ Setelah jatuh dari kekuasaannya, terdapat banyak khabar angin tentang Sukarno anak siapa? Namun pada pendapat saya, adalah tidak adil mempersoalkan kelahiran seorang tokoh yang dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan. Mungkin lebih adil

¹⁴ Di Sekolah Rendah Belanda inilah Sukarno mengalami pelbagai penghinaan semasa bermain bola sepak dengan anak-anak Belanda yang memamerkan keegoaan mereka terhadapnya. Lihat J.D. Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.39. Lihat juga Sukarno, Utusan Hindia, 22 January 1921.

¹⁵ Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.29.

¹⁶ Ibid., hlm.18. Antara desas-desusnya dalam versi yang lain mengatakan bahawa ia bukan anak pemilik kebun kopi Belanda melainkan anak seorang Indo pengawas perkebunan. Cerita lain yang pernah diterbitkan oleh suratkhabar Indonesia ialah Sukarno sebenarnya anak Susunan Pakubuwono X dari Surakarta, yang ketika lahir dilarikan untuk menyelamatkan dari permusuhan di dalam keraton oleh saudara-saudara tiri yang mengira bahawa seorang anak lelaki akan merebut takhta dari mereka. Untuk keterangan lanjut, lihat J.D. Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.36 dan juga lihat Oemar Bey, dalam Skets Masa, no.53, 1967, Artikel yang berjudul, "Sukarno anak siapa?" .

mempersoalkan dasar-dasar pemerintahan beliau daripada mempersoalkan perkara yang boleh merendahkan martabat seorang pemimpin. Jika kita teliti semua khabar angin ini, tidak ada satu pun daripada cerita ini dibuktikan dengan tepat. Mungkin Sukarno dijadikan anak angkat oleh Sukemi dan Idahju namun kedua-dua mereka telah memberi pendidikan yang terbaik kepada anak mereka.

Pendidikan Menengah

Pada tahun 1916, Sukarno telah menyelesaikan dua tahun Sekolah Dasar Belanda di ELS, Mojokerto dan memenuhi syarat untuk memasuki Sekolah Menengah Belanda.

"... .when it came time for high school, Father knew what he had to do. He pulled strings to get me into the top academy in East Java, Surabaya's Hogere Burger School."Son",he said," I have been planning this move in my mind since the day you came into this world

¹⁷

Ayah Sukarno, adalah seorang yang mempunyai wawasan terhadap pendidikan anak dan juga masa depan anaknya. Dia mendaftar anaknya di Sekolah Menengah Belanda yang dikenali sebagai Hogere Burger School (HBS) di Surabaya, Jawa Timur. Walaupun ayah Sukarno mahu anaknya mendapat pendidikan Barat, beliau tidak mahu anaknya mewarisi budaya Barat, Jadi beliau telah mengurus tempat tinggal baginya di rumah

¹⁷Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.30. Lihat juga William A.Hanna, Eight Nation Makers, hlm.6-7.

Tjokroaminoto.¹⁸ Di rumah tokoh inilah Sukarno banyak belajar tentang politik dan juga ucapan yang mempersonakan para pendengar.

Di Surabaya Sukarno melanjutkan pelajaran bersama-sama pelajar Bumiputera yang lainnya seramai 20 pelajar berbanding 300 pelajar Belanda. Sukarno sekali lagi terpaksa melalui pengalaman pahit yang dihadapinya di Mojokerto dahulu. Pelajar-pelajar Belanda sentiasa menimbulkan kemarahan pelajar Indonesia dengan pelbagai cara sehingga berlaku bergaduhan. Pengalaman ini bukan baru kepada Sukarno kerana sejak di Mojokerto sudah biasa dengan karenah pelajar Belanda. Namun sikap pelajar Belanda dan dasar-dasar Belanda sedemikian telah menambahkan lagi rasa benci Sukarno terhadap penjajah Belanda. Ini digambarkan seperti berikut:

"Even a child cannot remain untouched once he sees signs on swimming pools that, "No dogs or inlanders allowed". Dogs were first. Can any human being stay unaffected when he sees the inlander conductor forced to bow to every Dutch passenger who boards his streetcar?"¹⁹

*"I was a youngster of 15 years slapped in the face by a long nosed boy for no reason other than that I was a native. Do you not think such actions leave scars? Yes, I had an awareness as a child. My dedication of life started at 16."*²⁰

Sewaktu berada di Surabaya, Sukarno sering berasa kesepian dan ini telah mendorong untuk belajar. Dia menggunakan kesempatan yang ada untuk membaca buku pelajaran dan juga membaca buku-buku Theosofi (Theosophy), kerana ayah

¹⁸Omar Said Tjokroaminoto, dilahirkan di Bakur, Madiun (Jawa Timur) pada 16 ogos 1882. Pada masa itu, beliau merupakan ketua organisasi Sarekat Islam dan merupakan seorang tokoh yang sangat karismatik sehingga Belanda memberi gelaran 'Raja Jawa yang tidak dinobatkan'. Surabaya juga merupakan kubu kuat nasionalis pada masa itu. Untuk keterangan lanjut lihat Deliar Noer, The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942, Oxford University Press, 1973, hlm.107-108. Lihat juga Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.30-31.

¹⁹Sukarno dalam otobiografinya kepada Cindy Adams, Lihat Sukarno: An Autobiography, hlm.41.

²⁰Ibid., hlm .41.

Sukarno sendiri merupakan seorang pencinta buku-buku Theosofi. Selain itu, Sukarno juga membaca hasil tulisan orang terkenal dalam bidang politik dan juga pemikir-pemikir Barat seperti Thomas Jefferson, George Washington, Paul Revere, Abraham Lincoln, Gladstone, Mazzini, Cavour, Garibaldi, Otto Baucer, Karl Marx, Friedrich Engels, Lenin, Jean-Jacques Rousseau, Aristide Briand dan juga Jean Jaures (pemidato terkenal di Perancis)²¹

Jika kita teliti tema pembacaan buku-buku Sukarno, terdapat dua tema utama yang menjadi pilihan Sukarno iaitu sejarah perjuangan nasional untuk kemerdekaan di negeri-negeri lain, dan sejarah organisasi perjuangan kelas buruh di Eropah²². Semasa di rumah Tjokroaminoto perbincangan politik oleh tokoh-tokoh terkemuka telah mempengaruhi minda politik Sukarno. Antara tokoh-tokoh utamanya ialah seperti Tjokroaminoto, Alimin, Tan Malaka, Muso, Douwes Dekker dan juga Tjipto Mangkusomo. Sukarno sendiri dalam wawancaranya pada tahun 1959 telah mengakui bahawa barisan tokoh-tokoh inilah yang banyak mempengaruhi pemikiran politiknya.²³

Tokoh-tokoh terkemuka.

Rumah Tjokroaminoto merupakan pusat kegiatan politik di Surabaya. Kebanyakkann pemimpin seringkali akan berkumpul di rumah ini untuk membincangkan masalah-masalah politik negara. Setiap hari ada perbincangan politik dan ini telah menarik minat Sukarno. Di

²¹ Sukarno sangat tertarik dengan idea-idea perjuangan tokoh-tokoh ini. Pembacaan buku-buku ini telah menjadi asas yang baik kepada Sukarno dalam perjuangan politik di masa hadapan. *Ibid.*, hlm.39. lihat juga Ann Ruth dan Dorothy Willner, "The Role of Charismatic Leaders" in *Annals of the American Academy of Political and Social Sciences*, March, 1965.

²² Solichin Salam, *Bung Karno Putera Fajar*, Gunung Agung, Jakarta, 1966, hlm.36-37.

²³ Lihat Sukarno perbincangan dengan Cindy Adams, dalam *Sukarno: An Autobiography*, hlm.40-41.

sinilah beliau berkenalan dengan kebanyakkan tokoh politik terkemuka. Pengalaman bersama-sama tokoh ini telah meningkatkan pengetahuan tentang erti politik dan juga minat terhadap politik. Selain daripada dasar diskriminasi Belanda yang menyebabkan Sukarno mengalami pelbagai kehinaan, pembacaan buku -buku berkenaan tema perjuangan nasional dan sejarah organisasi serta pendedahan secara langsung dengan tokoh-tokoh terkemuka telah membuka peluang kepada Sukarno untuk melibatkan diri dalam politik nasional. Di kalangan tokoh yang ramai ini, Tjokroaminoto merupakan tokoh utama yang banyak mempengaruhi pemikiran dan keperibadian politik Sukarno²⁴.

Tjokroaminoto merupakan ketua Sarekat Islam dan tokoh pusat nasionalisme Indonesia pada masa itu. Peranan tokoh ini tidak boleh dinafikan dan tokoh inilah yang menjadi idola Sukarno semasa meningkat dalam bidang politik. Sukarno sendiri akur dalam otobiografinya bahawa dia sentiasa akan mengikuti Tjokroaminoto dan mengawasi gerak-gerinya semasa memberi ucapan kepada rakyat umum. Gaya Tjokroaminoto ini menjadi 'role model' bagi Sukarno dalam membentuk dirinya sebagai seorang ahli politik. Sukarno sering mendengar perbincangan politik oleh Tjokroaminoto dengan pemimpin lain.²⁵

Ideologi utama Tjokroaminoto ialah beliau mahu menjadikan Islam sebagai wadah perjuangan dan pembaharuan Islam. Baginya, agama Islam merupakan alat perpaduan yang sangat berkesan untuk menyatukan seluruh rakyat Indonesia kerana hampir 90% beragama Islam. Selain itu, Tjokroaminoto melalui Sarekat Islam juga mahu memajukan sosio-ekonomi penduduk Indonesia. Sarekat Islam juga amat popular pada masa itu

²⁴ Lihat Solichin Salam, Sukarno Putera Fajar, hlm.39.

²⁵ C.L.M.Penders, The Life and Times of Sukarno, hlm.10.

kerana berani kritik dasar-dasar kerajaan Belanda kerana gagal membaiki taraf hidup rakyat Indonesia dari segi ekonomi.

Sukarno telah mengamati dan banyak belajar dari cara dan gaya kepemimpinan Tjokroaminoto dan kebolehan mempersatukan unsur-unsur ideologi yang berbeza untuk menentang Belanda. Masalah-masalah yang berlaku dalam Sarekat Islam sehingga penubuhan Parti Komunis Indonesia dan perpecahan Sarekat Islam telah memberi kesedaran kepada Sukarno tentang pentingnya perpaduan diantara pelbagai parti politik untuk mendapatkan kemerdekaan dari penjajah Belanda²⁶.

Pengamatannya terhadap perpecahan Sarekat Islam dan pertengkaran sesama sendiri telah memberikan kesan kepadaanya tentang perlunya mengelakkan pertelingkahan sesama sendiri dan perlunya bersatu padu untuk menentang penjajah. Di bawah bimbingan Tjokroaminoto juga Sukarno sudah pandai berpidato dan juga pandai menulis rencana politik dalam usia yang sangat muda. Sukarno menulis dengan nama samaran Bima dan ia diterbitkan dalam akhbar utusan Hindia yang dimiliki oleh Tjokroaminoto.²⁷

²⁶Cindy Adams, An Autobiography, hlm.48-49,dan J.D.Legge, Sukarno: A Political Biography,hlm.69-71.Lihat juga Sarekat Islam Congres.3. National Congres, 1918, hlm.78.

²⁷Bima adalah seorang pahlawan yang terkenal dalam Mahabaratha. Sukarno ibaratkan dirinya sebagai Bima yang melawan musuh-musuh yang sangat kuat. Willard A.Hanna, Eight Nation Makers: Southeast Asia's Charismatic Statesmen, ST Martin's Press ,New York,1964, hlm.9.Lihat juga Asia Raya, 12 Desember 1942, hlm.2.

Nyata, peranan Tjokroaminoto ini telah melahirkan seorang ahli politik yang sangat karismatik di kemudian harinya²⁸. Selain daripada Tjokroaminoto, tokoh yang lain yang penting dalam kehidupan politik Sukarno ialah Alimin. Alimin lebih berpegang kepada ideologi Komunis dan berikut adalah penerangan tentang Alimin.

Alimin

"Our sweating peasants strave on a diet of two and a half cents a day," spat Alimin the man who introduced me to Marxism"²⁹

Alimin merupakan seorang tokoh yang penting kerana memperkenalkan Marxisme kepada Sukarno dan dalam otobiografinya beliau menggelarkan tokoh ini sebagai 'political instructor'. Ideologi Alimin ialah mahu menubuhkan kerajaan Komunis di Indonesia melalui cara revolusi. Kesatuan-kesatuan sekerja merupakan pendukung setia idelogi Komunis ini. Taktik parti ini ialah menumpang pada parti yang lebih popular dan bila tiba masa yang sesuai, akan muncul mengambil-alih kuasa dari parti yang memerintah pada masa itu. Sukarno berkenalan dengan tokoh ini di rumah Tjokroaminoto.

²⁸ Hubungan antara Sukarno dengan Tjokroaminoto bukan sahaja sebagai guru dan murid tetapi lebih dari itu. Tjokroaminoto sangat senang dengan kebijaksanaan Sukarno dan telah mengkahwinkan anaknya, Siti Utari yang berusia 15 tahun kepada Sukarno. Perkahwinan ini dikenali sebagai "kahwin gantung" dan mengikut Sukarno dalam otobiografinya menerangkan kahwin gantung adalah sesuatu yang dibenarkan dalam hukum dan agama. Biasanya "kahwin gantung" ini dilangsungkan kerana beberapa alasan, kedua-dua pasangan belum mencapai umur untuk menunaikan kewajipan mereka secara jasmaniah atau anak dara yang dikahwinkan itu tetap tinggal bersama ibubapanya sehingga pengantin lelaki boleh berdikari sendiri untuk menanggung rumah tangganya. Terdapat pelbagai cerita tentang perkahwinan ini, Legge mengatakan insiatif perkahwinan ini datang dari Tjoroaminoto sendiri, dengan tujuan mahu jadikan Sukarno sebagai bakal pemimpin Sarekat Islam. Sukarno pula dalam otobiografi mengatakan niat untuk berkahwin dengan Siti Utari itu timbul setelah saudara Tjokroaminoto sebelah isteri Tjoroaminoto menerangkan keadaan keluarga yang memerlukan bantuan dari Sukarno. Lihat Cindy Adams, An Autobiography, hlm.47. Lihat juga C.L.M.Penders, The Life and Times of Sukarno, hlm.16.

²⁹ Sukarno pertama kali mendengar teori Marxisme dari seorang guru H.B.S yang berhaluan Sosial-Demokrat, namanya C.Hartogh. Lihat Sukarno, "Menjadi Pembantu" Pemandangan" dalam dibawah Bendera Revolusi, 1961, hlm.510. Lihat juga Cindy Adams, Sukarno:An Autobiography, hlm.40.

Alimin, pada masa itu masih menumpang pada Sarekat Islam dan selalu ke rumah Tjokroaminoto untuk membincangkan masalah politik yang dihadapi oleh negara Indonesia. Ideologi yang diterima dari Alimin tentang Komunis telah mempengaruhi minda Sukarno.³⁰ Walaubagaimanapun pertelingkahan di antara pemimpin-pemimpin Sarekat Islam dan pemimpin-pemimpin komunis telah menyedarkan Sukarno tentang kepentingan persatuan.

Revolusi yang dilakukan oleh Parti Komunis Indonesia pada tahun 1926-1927 di Jawa, telah membuka ruang kepada pihak Belanda untuk mengambil tindakan tegas terhadap Parti Komunis Indonesia dan pemimpin-pemimpin Komunis dan ini menyebabkan Alimin juga turut hilang peranan dan hanya muncul kembali dalam arena politik Indonesia selepas Sukarno menjadi Presiden Indonesia. Pada tahun 1948, berlaku satu pemberontakan untuk menjatuhkan Sukarno yang dipimpin oleh 'political instructor' Alimin tetapi ia dapat dipatahkan dengan mudah oleh Sukarno³¹. Seterusnya, orang yang ketiga penting dalam cakarawala politik Sukarno ialah Tan Malaka.

Tan Malaka

Tan Malaka tidak mempunyai pengaruh langsung terhadap Sukarno namun kebijaksanaan Tan Malaka menarik massa telah mengagumkan Sukarno terhadap tokoh

³⁰Majalah, Suluh Indonesia Muda, 1926 dalam Dibawah Bendera Revolusi, hlm.1-23.

³¹Ibid., hlm.74.

ini³². Ideologi politik Tan Malaka ialah mahu menubuhkan kerajaan Komunis seperti pemimpin-pemimpin Komunis yang lain tetapi beliau lebih agresif dalam mencapai cita-cita itu berbanding tokoh-tokoh lain yang bersikap otordoks terhadap pemerintah. Tan Malaka merupakan salah seorang pelajar yang melanjutkan pelajaran di Belanda dan di sana terdedah kepada idea Komunisme, beliau kembali ke Sumatera pada tahun 1922, kemudian pindah ke Jawa dan telah menyertai Parti Komunis Indonesia. Penglibatan dalam pemogokan di Jawa telah menyebabkan beliau dibuang negeri ke Belanda.³³

Di Belanda beliau dipilih sebagai anggota Parlimen calon Komunis, tetapi tidak berjaya kerana usianya sangat muda. Kemudian dari Belanda beliau berhijrah ke Moskow dan di sana dilatih sebagai ahli *Comintern* (Komunis antarabangsa) dan di hantar ke kawasan Asia Tenggara. Peranan sebagai ahli *Comintern* membolehkan beliau menyusun pelbagai aktiviti terhadap pihak Belanda dan Parti Komunis Indonesia.³⁴ Sukarno sangat tertarik dengan tokoh ini kerana kebijaksanaan Tan mentafsirkan teori Marxis mengikut situasi zaman penjajahan Belanda. Walau bagaimanapun seperti tokoh-tokoh lain, Tan Malaka juga menjadi ancaman kepada Sukarno kerana cuba menandingi kuasa Sukarno selepas Proklamasi Indonesia³⁵. Tokoh yang seterusnya, dalam cakarawala politik Sukarno ialah Muso. Muso juga merupakan pendukung ideologi Komunis yang aktif pada masa itu.

³²Tan Malaka merupakan anak kepada ketua negeri Minangkabau, Sumatera. Sumatera mempunyai kedudukan istimewa dalam sejarah Indonesia kerana, dikatakan banyak melahirkan tokoh-tokoh politik seperti Hatta, Sjahrir dan juga Agus Salim. Kebijaksanaan Tan Malaka menyebabkan beliau dihantar ke Belanda atas tajaan kerajaan Belanda pada tahun 1913 dan tinggal disana sehingga 1919. Tan Malaka dikatakan sangat bijak kerana boleh menyamar mengikut keadaan samaada sebagai seorang bangsa China, Thai, Melayu atau Filipino dan beliau juga sangat cekap dalam mempelajari bahasa asing. Untuk keterangan lanjut lihat William A. Hanna, Eight Nation Makers, hlm.18-20.

³³J.D. Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.87.

³⁴Hanna William, Eight Nation Makers, hlm.20. Lihat juga H.J. Benda and R.T. McVey, The Communist Uprisings of 1926-1927 in Indonesia, 1960.

³⁵Tan Malaka menubuhkan Persatuan Perjuangan dan berjaya menyatukan semua parti pembangkang. Lihat Berita Republik Indonesia, No.7, Tahun ii, 1 Februari 1946, hlm.56.

Muso

Seperti Alimin, Muso juga sering ke rumah Tjokroaminoto untuk membincangkan masalah politik negara. Penyataan di bawah ini menggambarkan semangat patriotik Muso terhadap negaranya.

"We've become a nation of coolies and a coolie among nations"³⁶

Ideologi Muso juga sama seperti pemimpin Komunis yang lain iaitu mahu menujuhkan kerajaan Komunis dan mahu meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat Indonesia seperti yang dikehendaki oleh dogma Komunis. Pada masa itu, Muso masih menumpang pada Sarekat Islam dan menunggu masa yang sangat sesuai untuk melakukakan revolusi. Walaubagaimanapun revolusi yang dilakukan PKI pada tahun 1926 hingga 1927 di Jawa Barat dan Sumatera Timur telah menyebabkan tokoh ini juga turut dibuang negeri dan kembali ke pentas politik Indonesia pada tahun 1948.³⁷ Pemberontakan terhadap kerajaan Sukarno pada bulan September oleh pemimpin peringkat kedua Parti Komunis Indonesia menyebabkan Muso juga turut terlibat dan pemberontakan yang sengit ini berlaku selama sebulan. Malangnya, Muso terbunu

³⁶Muso merupakan salah seorang pemimpin Parti Komunis Indonesia pada tahun 1920-an beliau dibuang negeri ke U.S.S.R. Pihak Belanda mengambil tindakan tegas terhadap ahli-ahli Komunis dan juga Parti Komunis Indonesia. Keadaan ini menyebabkan peranan Parti Komunis Indonesia dapat dikawal buat sementara waktu. Namun, Muso kembali kepentas politik Indonesia pada tahun 1948, selepas tamat tempoh buangan di negeri U.S.S.R dan kebetulan pada masa itu berlaku berlaku ketegangan antara kabinet Hatta dengan Sjahrir yang memimpin gabungan Parti yang berfahaman kiri tentang syarat-syarat rundingan terhadap pihak Belanda. Peluang ini telah digunakan dengan baik oleh Muso yang baru kembali dari buangan. Muso telah menyakinkan pihak sayap kiri untuk gabung ke dalam Parti Komunis Indonesia dan dipimpin oleh Muso. Parti Komunis Indonesia sekali lagi mengalami satu lagi zaman kegelapan. Lihat G.M.Kahin,(ed),Goverments and Politics of Southeast Asia, Cornell University Press, Ithaca,1964,hlm.202. Lihat juga Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.40.

³⁷H.J.Benda dan R.T.McValley,(ed),The Communist Uprisings of 1926- 1927 in Indonesia: Key Documents, Ithaca,1960, hlm.xi.

dalam pemberontakan ini. Tokoh lain yang turut mempengaruhi pemikiran politik Sukarno seperti tokoh-tokoh yang disenaraikan di atas ialah Douwes Dekker. Sukarno bertemu dengan Dekker di Bandung dan pada masa itu Sukarno sangat aktif dalam bidang politik.

Douwes Dekker

Douwes Dekker (Dekker) merupakan salah seorang tokoh yang mempengaruhi pemikiran Sukarno sejak awal zaman remaja lagi. Tokoh ini mempunyai tempat yang istimewa dalam sejarah Indonesia kerana merupakan seorang pejuang kemerdekaan Indonesia dari awal lagi. Hubungan Sukarno dengan tokoh ini sangat rapat dan dikatakan dari awal-awal lagi Dekker sudah meramalkan, Sukarno akan menjadi pemimpin besar. Ramalan ini dinyatakan seperti berikut:

"... I have met the youngster Sukarno. I am already growing in years and when the day comes that I will die, I say to you it is my wish that Sukarno and no other be my successor. "This small boy", he added, "will be the future saviour of the Indonesian people"³⁸

Nampaknya, ramalan Dekker ini menjadi kenyataan kerana Sukarno menjadi pemimpin besar di Indonesia. Sejarawan Barat sering berpendapat Sukarno adalah seorang tokoh yang pandai manipulasi keadaan dan kepetahan berpidato serta karismatik yang ada padanya menyebabkan banyak fakta yang diputarbelitkan untuk menunjukkan dirinya

³⁸Ramalan Dekker sewaktu penglibatan Sukarno dalam politik pada tahap awal. Ramalan kedua datang dari Tjokroaminoto "After a long period of meditation, he turned to the entire family one rainy evening and intoned solemnly," Follow this boy. He sent from Allah to be our Great Leader. I am proud to have sheltered him in my house" Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.50. Lihat juga Paul W. van der Veer, "E.F.E. Douwes Dekker: Evangelist for Indonesian Political Nationalism" Journal Of Asian Studies, Jilid XVII, No.4, August, 1958, hlm.551.

sebagai seorang tokoh yang sangat magis. Mungkin, seperti biasa Sukarno menekankan peranannya untuk membesarkan dirinya tetapi jika kita lihat sejarah Indonesia sehingga peristiwa proklamasi, memang betul tokoh ini mempunyai kebolehan seperti yang diramalkan oleh tokoh-tokoh terkemuka.

Dekker ataupun nama samarannya Setiabudi³⁹ pernah mendirikan Indische Partij bersama-sama tokoh-tokoh lain seperti Tjipto Mangunkusumo dan juga Soewardi Soerjaningrat. Ideologi utama Dekker ialah suatu bangsa merdeka, berbilang kaum dalam perjuangan dan setia kepada tanah air serta bersatupadu berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan dari Belanda. Dekker juga, mahu mantapkan kerjasama di antara golongan Indo-Eropa dengan Bumiputera Indonesia. Dasar utama Dekker ialah mahu mendapatkan kemerdekaan kepada Indonesia dan asal-usul ras tidak dipentingkan. Dasar partinya sedemikian telah menarik lebih ramai golongan Indo-Eropa. Walaubagaimanapun Belanda tidak menerima perjuangan parti ini yang menuntut kemerdekaan penuh bagi Indonesia. Belanda bertindak terhadap tokoh ini, beliau dibuang negeri ke Belanda dan kembali ke Indonesia pada tahun 1918.

Setelah kembali dari Belanda, beliau cuba menghidupkan kembali cara revolucioner melalui mengeratkan hubungan dengan Sarekat Islam dan Indische Sociaal-Democratische Vereeniging (ISDV) tetapi tidak berkesan kemudian cuba menujuhkan Parti sendiri iaitu National Indische Partij untuk merealisasikan cita-cita namun tidak

³⁹Pandangan Dekker yang menolak dasar Islam dan doktrin sosialisme yang ketat telah banyak mempengaruhi Sukarno berbanding tokoh-tokoh lain yang dikenali oleh Sukarno.. Lihat Pidato, P.J.M, Presiden Republik Indonesia, Bertajuk " Laksana Malaekat jang Menjerbu dari Langit", " Djalannya Revolusi Kita" tanggal 17 Augustus, 1960, Rabu, Djam 8.10 Pagi, di Istana Merdeka, Djakarta.

berjaya dan parti ini dibubarkan.⁴⁰ Selepas itu beliau bersara dari politik Indonesia dan menumpukan perhatian dalam bidang pendidikan di Bandung dengan menubuhkan Ksatrian Institute School.⁴¹ Tokoh yang terakhir sekali dalam senarai tokoh-tokoh penting yang membentuk minda politik Sukarno ialah Tjipto Mangunkusumo.

Tjipto Mangunkusumo

Tjipto Mangunkusumo(Tjipto) atau dikenali sebagai 'Sepku'⁴² adalah salah seorang guru yang sangat penting membentuk pemikiran Sukarno.⁴³ Tjipto adalah seorang pemimpin nasionalis aliran lama tetapi mempunyai pandangan yang lebih radikal. Pemikiran politik beliau lebih radikal mengamalkan dasar tidak mahu berkerjasama dengan Belanda. Tokoh ini memberi tumpuan mengeratkan hubungan antara Indo-Eropa dengan rakyat Indonesia untuk mendapatkan kemerdekaan Indonesia. Dasar tidak berkerjasama ini telah menarik minat Sukarno dan beliau menggunakan teknik ini dalam politik untuk menentang Belanda. Semasa di Bandung; Sukarno sering mengadakan diskusi dalam kumpulan kecil di rumahnya dan salah seorang daripada tokoh itu ialah 'Sepku' yang banyak mempengaruhinya. 'Sepku' juga turut mempengaruhi gaya pemikiran Sukarno dalam politik dan ini boleh dilihat selepas Sukarno giat dalam politik nasional kemudiannya.

⁴⁰Dasar pemikiran Indische Partij ialah tempat tinggal dan keterikatan kepada Indonesia, asal-usul ras tidak dijadikan perjuangan nasional.Dasar seperti ini telah menarik minat golongan Indo-Eropa untuk menyertai Parti ini.

⁴¹Sukarno pernah menjadi guru sementara di Kesatrian Institute.,Sukarno: An Autobiography, hlm.70-72.

⁴²Lahir pada tahun 1885,seorang Doktor perubatan yang berkerja pada pihak pemerintah Belanda.Tokoh ini sangat membenci masyarakat Belanda kerana beliau tidak diterima dalam masyarakat Belanda kerana kacukan Indo-Eropa.Pada tahun 1912 bersama Douwess Dekker dan Soewardi Soerjaningrat menubuhkan *Indische Partij*.Parti ini meletakkan kerjasama antara Indo-Eropa dan penduduk asli Indonesia.Lihat J.D.Legge, Sukarno: An Autobiography,hlm.85.Lihat juga Pidato, P.J.M. Presiden, Pada Tanggal 17 Augustus 1960.

⁴³Bernhard Dahm, Sukarno and The Struggle For Indonesian Independence,hlm.24.Lihat juga C.L.M.Penders, The Life and Times of Sukarno, hlm.50.

Pemikiran Politik Sukarno

Selama 5 tahun di Surabaya dan kemudiannya di Bandung, Sukarno telah terdedah kepada pemikiran politik yang cukup baik kepada dirinya sebagai persediaan untuk menjadi pemimpin. Semua pemimpin yang ditemuinya di rumah Tjokroaminoto dan di Bandung telah memberi landasan yang terbaik kepada Sukarno. Tjokroaminoto telah memberikan idea perjuangan Islam, Alimin dan Muso telah memberikan idea perjuangan Komunis, Tan Malaka pula telah memberikan idea secara revolusi, Douwess Dekker Idea menyatukan rakyat Indonesia dalam perjuangan kemerdekaan. Selain itu pembacaan serta pengamatan tentang sejarah negara Eropah telah melahirkan seorang tokoh yang boleh menyatukan semua unsur untuk memerdekakan Indonesia.⁴⁴

Analisa pemikiran politik Sukarno

Sukarno telah bertemu dengan ramai tokoh lain selain yang disebutkan namun tokoh-tokoh yang disenaraikan diatas telah banyak mempengaruhi minda Sukarno dalam arena politiknya. Ini hanya dapat disedari jika kita melihat langkah-langkah beliau dalam politik serta ideologi politik yang begitu lincah sehingga menjadi Presiden Indonesia yang pertama. Walaupun terdapat pengaruh ideologi tokoh-tokoh ini semasa meningkat dalam politik ataupun selepas menjadi pemimpin namun tidak ada satu pun ideologi yang dominan sehingga Sukarno berpegang seratus-peratus kepada ideologi itu. Beliau begitu lincah menyesuaikan semua ideologi dan mengaplikasikan yang radikal supaya dapat membawa semua pihak ke

⁴⁴Tulisan-tulisan beliau banyak mementingkan unsur-unsur ini. Lihat tulisan beliau yang bertajuk "Mentjapai Indonesia Merdeka" dan "Indonesia Versus Fasisme" Dalam Dibawah Bendera Revolusi, hlm.257 dan 457.

dalam satu permuafakatan dan sentiasa menempatkan dirinya sebagai tokoh sentral yang utama tanpa terikat kepada satu-satu ideologi.

Kemunculan Sukarno dalam arena politik

Pendedahan tentang politik di rumah Tjokroaminoto telah menggerakkan Sukarno kearah penglibatan politik yang sebenar. Organisasi politik yang pertama disertai oleh Sukarno ialah Tri Koro Darmo.⁴⁵ Tri Koro Darmo dibentuk pada tahun 1915 sebagai anak organisasi Budi Utomo. Walaupun organisasi ini tidak begitu penting pada masa itu namun ia telah menjadi landasan kepada Sukarno untuk memajukkan diri dalam politik nasional⁴⁶

Tri Koro Darmo, seperti yang dinyatakan oleh Sukarno memang mempunyai 3 tujuan utama:

1. Menggeratkan hubungan antara pelajar pribumi di sekolah rendah dan sekolah Menengah.
2. Untuk memberi kesedaran dan menanamkan kepentingan kebudayaan tempatan di kalangan pelajar pribumi
3. Untuk menyebarkan pengetahuan melalui kuliah⁴⁷.

Tetapi tujuan yang kerap mendapat perhatian dari semua ahli organisasi ialah sosial berbanding dua tujuan yang lain. Tri Koro Darmo memberikan semangat kepada pelajar yang hidup jauh dari ibu bapa mereka serta menyediakan tempat untuk ahli-ahlinya bergaul dalam tradisi kebudayaan Jawa.⁴⁸

⁴⁵ Tri Koro Darmo bermaksud tiga objektif yang mulia (Three Holy Objectives) iaitu merangkumi objektif politik, ekonomi dan sosial. Ahli-ahlinya terdiri daripada pelajar yang mengikuti pelajaran di Surabaya pada masa itu. Lihat R. Van Niel, The Emergence of Modern Indonesian Elite, Bandung: V. Hoeve, 1960, hlm. 169. Lihat juga Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm. 42.

⁴⁶ Lihat Berdialog dengan Sukarno tentang beberapa isu penting termasuk Tri Koro Darmo dalam Solichin, Sukarno Putera Fajar, hlm. 278.

⁴⁷ Bernhard Dahm, Sukarno and The Struggle for Indonesia Independence, hlm. 37-38.

⁴⁸ Pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di tempat yang jauh dari ibu bapanya dan menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baru akan diberi perhatian oleh Organisasi ini. Namun Organisasi ini bukan sesuatu yang bertujuan untuk menyatukan bangsa Indonesia melainkan menumpukan perhatian terhadap kesatuan Jawa sahaja. Lihat J. D. Legge, Sukarno: A political Biography, hlm. 72.

Jong Java

Pada tahun 1918, selepas perjumpaan Kongres di Solo, nama Tri Koro Darmo ini kemudian diganti dengan nama baru iaitu Jong Java. Organisasi ini diberi nama Jong Java supaya lebih mencerminkan aspirasi Jawa.⁴⁹ Pengalaman dan pemerhatian di rumah Tjokroaminoto mula diaplikasikan oleh Sukarno di dalam organisasi ini. Pada masa itu, organisasi ini hanya menumpukan kepada aspek kebudayaan dan juga hal-ehwal orang Jawa sahaja; jadi untuk menarik perhatian ahli-ahli supaya mendapat perhatian, Sukarno mencari masalah yang lebih kontroversial.⁵⁰ Sukarno mula mengorak langkah kearah politik dengan menjadi seorang pelajar yang kontroversial.

Langkah pertama Sukarno ialah mahu menguji kebolehan berpidato menggunakan idea-idea kontroversial supaya menimbulkan satu keghairahan kepada para pendengar. Langkah pertama ini memang berjaya kerana pidatonya dapat memukau para pendengar. Sukarno juga sering menimbulkan kontroversi dan peristiwa ini membuktikan bagaimana Sukarno menggunakan sesuatu isu untuk menimbulkan kontroversi. Dalam satu pidato bahasa, di Sekolah Menengah Sukarno mengambil kesempatan dengan bercanggah pendapat dengan seorang ketua *studieclub* tentang masalah bahasa. Ketua *studieclub* yang berpendapat bahawa generasi zaman ini perlu menguasai bahasa Belanda yang betul.⁵¹ Namun Sukarno mencabar pendapat ini, dan meminta para pelajar supaya menguasai Bahasa Melayu dan jika mahu menguasai bahasa asing, dia minta para pelajar memilih bahasa Inggeris kerana ia merupakan

⁴⁹Bernhard Dahm, Sukarno and the Struggle for Independence, hlm.40.

⁵⁰Ibid.

⁵¹Sukarno pantas menunjukkan reaksi tidak setuju dengan pendapat ini dengan mencabar pendapat ketua *studieclub*. Lihat Bernhard Dahm, Sukarno and the Struggle for Indonesian Independence, hlm.40.

bahasa diplomatik antarabangsa.⁵² Sukarno menamatkan ucapannya dengan satu soalan yang menarik:

*"The Dutch are white. We are brown. They have blond, curly hair.
Ours is straight and black. They live thousands of miles away
why then we must speak Dutch?"*

Selain daripada tindakan seperti ini, Sukarno juga menumpukan perhatian dalam bidang jurnalistik dengan menulis rencana ke akhbar *Utusan Hindia*, yang dimiliki oleh Tjokroaminoto⁵³. Sukarno dalam Otobiografinya, mengaku beliau telah menulis lebih dari 500 artikel ke akhbar Utusan Hindia dengan nama samaran Bima semasa di Surabaya.

Tema penulisan

Di samping giat dalam politik dan ucapan pidato di sekitar organisasi Jong Java, Sukarno giat dalam lapangan jurnalistik. Tema utamanya berteraskan ideologi politik pelbagai parti. Kebolehan Sukarno yang boleh menyampaikan perkara yang rumit dalam bahasa yang mudah serta dengan perumpaan dari pelbagai bahasa telah mempopularkan nama Sukarno sebagai tokoh muda di serata pelosok Indonesia. Melalui hasil tulisan, Sukarno dapat menyebarkan idea-idea beliau ke seluruh pelosok Indonesia dengan mudah. Masyarakat Indonesia yang kagum dengan idea Sukarno serta janji-janji Sukarno tentang pemerintahan sendiri telah

⁵²Memang terdapat sedikit berbezaan pendapat tentang peristiwa ini .Di dalam buku Bernhard Dahm, "Sukarno and the Struggle for Indonesian Independence" dikatakan Sukarno dalam ucapannya menggunakan bahasa Jawa dan dia ditegur oleh penggerusi supaya menggunakan bahasa Belanda namun Sukarno enggan manakala dalam Otobiografinya Sukarno berpendapat dia yang mencabar penggerusi tentang masalah bahasa. Lihat Sukarno: An Autobiography, hlm.42-43.Lihat juga, Bernhard Dahm, Sukarno and the Struggle, hlm.40-41.

⁵³Sukarno menggunakan nama samaran iaitu Bima untuk menulis rencana ke akhbar Utusan Hindia.Bima adalah seorang pahlawan yang handal dan merupakan orang kedua terpenting dalam 5 pendawa yang lain dalam cerita klasik Mahabaratha. Di Jawa, Bima dianggap sebagai pahlawan dan pada masa yang sama dipuja sebagai seorang yang sangat alim atau mulia didalam kesusasteraan Jawa.Lihat Bernhard Dahm, Sukarno and Independence, hlm.351. Lihat juga Asia Raya, 12 Desember 1942, hlm.2.

membangkitkan semangat nasionalisme yang tinggi dan memandang tinggi terhadap tokoh ini dan di kalangan masyarakat petani menganggap beliau sebagai Ratu Adil yang akan membawa satu kerajaan yang harmoni seperti yang diharapkan selama ini. Kebolehan jurnalistik ini digunakan dengan baik untuk membincangkan perkara secara kritis dan teliti. Sukarno juga menyampaikan setiap tema itu menggunakan sumber pemikiran tradisional, modern, Marxisme, demokratik, radikal barat dan juga tema mengikut pandangan orang Jawa supaya masyarakat faham tema perbincangannya.

"I wrote over 500 pieces. All Indonesians talked about them"⁵⁴

Antara artikel tulisan Sukarno yang terkenal dan meningkatkan nama dalam politik ialah "Nasionalisme, Islamisme dan Marxisme"⁵⁵. Satu sinthesis yang menarik tentang tiga ideologi dan perlunya ketiga-tiga fahaman ini bersatu dalam satu barisan. Selain itu, artikel "Indonesianisme dan Pan- Asiatisme"⁵⁶, "Marhaen dan Proletar"⁵⁷, "Me-muda-kan pengertian Islam"⁵⁸ dan banyak lagi artikel politik yang diterbitkan pada tahun-tahun 20-an dan 30-an dalam Utusan Hindia dan juga dalam Suluh Indonesia Muda telah memberikan kedudukan istimewa kepada Sukarno.

Sukarno juga sering kali menggunakan kebolehan jurnalistik untuk membincangkan masalah agama⁵⁹, konflik peribadi dengan tokoh-tokoh tertentu⁶⁰, dan juga kewajaran ideologi beliau dalam situasi tertentu. Sukarno juga menulis satu artikel yang bertajuk "Intelek" pada 7 April 1921, tentang pentingnya Jong Java dan Jong Sumatera menumpukan penyatuan

⁵⁴Lihat sebagai contoh-contoh, tulisannya yang dimuatkan dalam Buku, DiBawah Bendera Revolusi. Lihat juga Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.49.

⁵⁵Majalah, Suluh Indonesia Muda, 1926.

⁵⁶Majalah, Suluh Indonesia Muda, 1928.

⁵⁷Majalah, Fikiran Ra'jat, 1933.

⁵⁸Pandji Islam, 1940.

⁵⁹Pandji Islam, yang bertajuk "Islam Sontolojo" 1940.

⁶⁰Majalah Fikiran Ra'jat, 1933 dalamnya bertajuk "Djawap Saja Pada saudara Mohammad Hatta".

keseluruhan rakyat Indonesia daripada meneruskan rancangan yang tidak begitu jelas perjuangannya⁶¹

Kesemua tulisan Sukarno biasanya memokuskan kepada penyatuan rakyat Indonesia dan kemerdekaan Indonesia. Kebolehan Sukarno menulis sesuatu yang rumit dalam bahasa yang mudah dan senang difahami membolehkan rakyat terpengaruh dengan ideologi politik beliau. Beliau juga merupakan satu-satunya tokoh yang sentiasa mementingkan penyatuan Indonesia tanpa mementingkan ideologi politik. Inilah yang menarik minat rakyat terhadap perjuangan politik Sukarno berbanding tokoh-tokoh lain. Kesimpulannya, boleh dikatakan Sukarno telah menempah nama dalam arena politik Indonesia walaupun bukan merupakan tokoh yang penting pada masa itu tetapi dia disanjung sebagai tokoh muda yang berwibawa. Peristiwa ini jelas menggambarkan peningkatan Sukarno sebagai tokoh politik muda.

*"He was no longer an unknown; in May 1921 it was reported that at a large May Day demonstration Tjokroaminoto had made his way through the masses to the speaker's platform accompanied by the popular young leader Sukarno"*⁶²

Nyata, semua kesempatan yang terdapat di Surabaya telah digunakan dengan baik oleh Sukarno untuk menempatkan diri dalam politik Indonesia. Pada 10 Jun 1921, Sukarno lulus dari Sekolah Menengah HBS Surabaya.⁶³ Sukarno selepas tamat sekolah menengah Belanda,

⁶¹Bernhard Dahm,Sukarno and Indonesian Independence, hlm.41.

⁶²Ibid., hlm.39.

⁶³Terdapat sedikit kekeliruan tentang tarikh Sukarno lulus HBS di Surabaya, J.D.Legge, dalam bukunya,Sukarno: A Biography, hlm.78 menyatakan 1921 sebagai tahun lulus HBS dan Bernhard Dahm, dalam bukunya, Sukarno and the Indonesian Independence, hlm.,43. juga memilih tarikh yang sama iaitu June 1921 tetapi M.Y.Nasution memilih tahun 1920 sebagai tahun Sukarno lulus HBS dalam bukunya, Penghidupan dan Perjuangan Ir.Sukarno, Djakarta,1951, hlm.17.dan William A.Hanna dalam bukunya, Eight Nation Makers, juga memilih tahun 1920 sebagai tahun Sukarno lulus HBS. Saya memilih tahun 10Jun 1921 sebagai tahun Sukarno lulus HBS kerana Sukarno sendiri mengaku tahun ini sebagai tahun beliau lulus HBS dan ia turut diakui oleh Legge dan Dahm. Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.50. Lihat juga Nasution, Penghidupan dan Perjuangan Ir Sukarno, hlm.17.

dia mempunyai beberapa pilihan untuk meneruskan hidupnya. Antara pilihan yang terdapat ialah seperti berikut:

1. Sukarno boleh melanjutkan pelajaran ke negeri Belanda dan menggabungkan diri dengan pelajar Indonesia di Belanda. Seperti yang diketahui keluarganya tidak mampu untuk menampung perbelanjaan Sukarno di Belanda, jadi hasrat untuk ke Belanda tidak tercapai walaupun Sukarno memang ingin ke Belanda untuk melanjutkan pelajaran.⁶⁴
2. Pada zaman penjajahan Belanda, rakyat pribumi tidak boleh mengharapkan jawatan tinggi. Mereka boleh menjadi pegawai negeri dengan memasuki Sekolah OSVIA.⁶⁵ Inilah satu-satu peluang yang ada pada pelajar yang berpendidikan Belanda untuk meneruskan kerjajaya mereka.
3. Sukarno juga boleh menjadi guru dengan mengikuti maktab perguruan dan akan dilantik menjadi guru.
4. Sukarno, jika ingin melanjutkan pelajaran di dalam negeri maka peluang terbuka dengan adanya penubuhan THS (Technische Hoogeschool) di Bandung.⁶⁶ THS atau Sekolah Tinggi Teknik Bandung ini didirikan sebagai langkah untuk mendirikan

⁶⁴ adalah satu kebiasaan pelajar yang lulus HBS akan menyambung pelajaran mereka ke Belanda. Oleh kerana Ibu Sukarno mahukan anaknya melanjutkan pelajaran di Tanah airnya sendiri maka Sukarno pun ikut nasihat ibunya untuk melanjutkan pelajaran di Bandung. Sepert Sukarno terangkan dalam otobiografinya ' It might have been my mother's voice that I heard, but it was the hand of God that was moving me' memang betul pendapat ini , jika tidak mungkin Sukarno tidak mendapat kepopularan seperti yang dia dapat pada masa itu. Sukarno menjadi tokoh politik yang disegani selepas pindah ke Bandung. Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.50.

⁶⁵ Sukarno tidak mahu berkhidmat dengan Belanda walaupun pernah ditawarkan jawatan yang tinggi oleh Profesornya sendiri, antara jawatan yang pernah ditawarkan ialah pembantu penyelia(assistant instructor), pemerintahan kota (municipality). Selain itu dikatakan Profesor Ir. Wolf Schoemaker seorang yang tidak memilih warna kulit telah menawarkan jawatan pengarah pekerjaan umum(Director of the Department of public Works)namun semua tawaran ini ditolak oleh Sukarno semata-mata mahu memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.Jika Sukarno menerima tawaran ini tentunya dia terpaksa meninggalkan aktiviti politik dan dikatakan dia orang yang pertama menolak berkerja dengan Belanda. Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.69.

⁶⁶ Lihat J.D.Legge, Sukarno: A Biography, hlm.78-79.

Universiti di Indonesia. Tekanan Indo-Eropa dan juga orang Indonesia yang terpaksa membelanjakan jumlah wang yang besar untuk melanjutkan pelajaran ke Belanda menyebabkan kerajaan Belanda mendirikan THS ini. Selain itu perkembangan perusahaan-perusahaan swasta yang pesat menyebabkan perlunya tenaga mahir dari orang tempatan untuk menampung kekosongan itu.⁶⁷

5. Sukarno juga boleh memilih bidang politik yang sudah diceberui di Surabaya dan dengan pendedahan yang ada boleh merangka masa depan politik beliau. Tetapi, Sukarno tidak memilih bidang politik sebagai kerjaya sepenuh masa. Beliau tidak mahu memikirkan bidang itu, dalam keadaan sekarang.⁶⁸ Terdapat lima pilihan untuk Sukarno untuk meneruskan hidupnya. Beliau memilih pilihan yang keempat⁶⁹ iaitu mahu memasuki Sekolah THS sebagai pelajar Bandung⁷⁰.

Sukarno mendaftar diri sebagai pelajar di Bandung pada 21 Jun 1921 dan kali ini tempat tinggal Sukarno di Bandung diaturkan oleh Tjokroaminoto. Sukarno tinggal di rumah kawan Tjokroaminoto yang bernama Haji Sanusi. Bandung merupakan satu tempat yang mula mendapat perhatian tokoh-tokoh politik pada masa itu. Jika kita lihat pembahagian zaman seperti yang dicadangkan oleh Legge, dari tahun 1916-1921, berlaku persaingan antara Sarekat Islam di Surabaya dengan pemikir Marxis yang berpengkalan di Semarang. Bermula dari tahun

⁶⁷Ibid.

⁶⁸Ibid.

⁶⁹Sukarno menyertai sesi 1921/1922. Lihat dan hanya terdapat 6 orang pelajar sahaja yang menyertai Sekolah THS pada sesi 1921/1922. Namun terdapat sedikit kekeliruan di sini, Sukarno dalam otobiografinya, Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm. 53. menyatakan semasa beliau mendaftar pada tahun 1921/1922 sebagai pelajar terdapat 11 orang pelajar Pribumi dan beliau adalah salah seorang daripadanya. Mungkin, Sukarno menyatakan apa yang diingat dan boleh jadi Sukarno salah dalam ingatan beliau. Buku Otobiografi mula di hasilkan pada tahun 1964 dan diterbitkan secara resmi pada tahun 1965. Jadi apa yang dinyatakan boleh jadi salah dalam ingatan Sukarno. Lihat Bernhard Dahm, Sukarno and Indonesian Independence, hlm.44.

⁷⁰Jumlah pelajar yang menyertai THS berkurangan pada sesi 1923/1924 kerana sudah ada satu lagi Kolej baru di Batavia, yang menawarkan kursus Undang-undang dan keadaan ini menyebabkan ada alternatif baru bagi pelajar Indonesia untuk melanjutkan pelajaran mereka.

1921-1923, muncul sayap moderat Sarekat Islam yang berpengkalan di Yogyakarta. Keadaan seperti yang disebutkan tadi telah menambahkan suatu perimbangan hubungan segitiga antara Surabaya, Semarang dan juga Yogyakarta.⁷¹

Pada masa itu, Bandung juga mula memainkan peranan sebagai pusat nasionalisme sekular dan dalam lingkungan inilah Sukarno mengambil bahagian dalam politik negara dan memantapkan diri dalam politik Indonesia. Di sinilah, Sukarno mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan tokoh utama seperti Douwes Dekker, Tjipto, Soewardi Soerjaningrat dan ramai lagi.

Sukarno di Bandung 1921-1926

Sukarno semasa berada di Bandung memang sudah terkenal sebagai pemimpin muda, tetapi ia tidak meloncatkan namanya sebagai pemimpin nasional. Di THS Sukarno tidak mempunyai banyak masa untuk aktiviti politik kerana sibuk dengan pelajaran.

"... According to Article 5, "No choice of studies is allowed to those enrolled; they are required to adhere to the plan of study and to hand in assignments as scheduled. They must take part in receptions and excursions as well as in each of the examinations conducted at the end of the school year"⁷²

Tentunya dengan peraturan yang ketat ini, Sukarno tidak dapat menumpukan masa dalam bidang politik namun ada beberapa peristiwa yang penting telah membantu meloncatkan nama Sukarno semasa di Bandung. Baru dua bulan di Bandung, Sukarno menerima satu berita buruk tentang penangkapan Tjokroaminoto oleh pihak Belanda. Pada tahun 1919 berlaku

⁷¹Di Bandunglah Sukarno bertemu dengan Inggit Garnasih yang merupakan isteri kepada Haji Sanusi. Selepas Sukarno menceraikan isteri pertama, Siti Utari beliau berkahwin dengan Inggit Garnasih pada tahun 1923. Haji Sanusi telah menceraikan Inggit untuk membolehkan Sukarno berkahwin dengan Inggit, dan Inggit 12 tahun lebih tua daripada Sukarno. Lihat J.D. Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm. 78-85. Lihat juga Cindy Adams, Sukarno : An Autobiography, hlm. 59.

⁷²Bernhard Dahm, Sukarno and Indonesian Independence, hlm. 45.

penentangan terhadap penyerahan padi secara paksa kepada Belanda oleh sebuah keluarga, di Garut Jawa Barat. Peristiwa ini telah membawa kepada pemberontakan Tani secara kecil-kecilan namun pihak Belanda dapat menewaskan pemberontakan kecil ini⁷³.

Pihak Belanda menuduh Sarekat Islam terlibat dalam pemberontakan ini, walaupun tidak ada bukti kukuh tentang penglibatan Sarekat Islam Induk tetapi dikatakan ada beberapa pemimpin Sarekat Islam Merah atau dikenali sebagai *Afdeling B* mengetahui pemberontakan ini.⁷⁴ Belanda yang melihat perkembangan nasionalisme yang sudah merubah cara dengan kekerasan telah bertindak tegas terhadap pemimpin-pemimpin Sarekat Islam. Tjokroaminoto juga turut ditangkap dalam operasi ini.

Ketiadaan Tjokroaminoto telah menyempitkan lagi masalah kewangan keluarga Tjokroaminoto. Sukarno yang merupakan menantu telah bertindak pantas dengan menangguhkan pelajaran dan pulang ke Surabaya untuk menanggung keluarga Tjokroaminoto.⁷⁵ Peristiwa ini telah menyebabkan Sukarno terpaksa mengambil tambahan satu tahun lagi untuk menamatkan kursus yang biasanya hanya memerlukan empat tahun sahaja. Walaupun begitu, Sukarno telah menggunakan kesempatan sebagai kerani keretapi untuk mengeratkan hubungan dengan rakyat biasa.

Kebetulan stesen keretapi ini menjadi tempat perhentian keretapi dari kota-kota lain seperti Madiun, Djogja, Malang, Bandung dan Sukarno menggunakan kesempatan ini untuk

⁷³Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.54.Lihat juga C.L.M.Penders, Life and Times, hlm.20.

⁷⁴Ibid. Lihat juga J.D.Legge, Sukarno: An Autobiography, hlm.80-81.

⁷⁵Sukarno berkerja sebagai kerani kereta api atau dalam bahasa Belanda dikenali sebagai "Raden Soekarno, B.KL.Der Eerste Klasse, Eerste Categorie" (As Bureau Cleark First Class, First Category) dengan gaji bulanan 165 Guilders.Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.56.

menaburkan bibit-bibit nasionalisme.⁷⁶ Dia menyedarkan rakyat tentang pentingnya nasionalisme serta kelemahan dan penindasan penjajah Belanda. Kepopularan sebelum ini sebagai tokoh muda dan peluang mengadakan hubungan secara langsung dengan rakyat telah mengukuhkan lagi kedudukan Sukarno sebagai bakal pemimpin besar.

Pada Ogos 1922, Pemerintah Belanda telah membebaskan Tjokro dari tuduhan palsu dan menggugurkan semua tuduhan terhadap beliau dan ini membolehkan Sukarno kembali ke Bandung untuk menyambung kuliah pada semester yang baru. Walaupun Sukarno sibuk dengan jadual kuliah yang ketat tetapi beliau tidak meninggalkan bidang politik begitu sahaja malah setiap kesempatan yang terluang digunakan dengan baik untuk menyemarakkan semangat politik di kalangan rakyat jelata.

Bandung mempunyai tempat yang istimewa dalam sejarah hidup Sukarno. Banyak peristiwa suka dan duka berlaku di kota Bandung ini. Antara peristiwa penting di Bandung ialah peristiwa mendapat ijazah jurutera, berkahwin dengan isteri yang kedua bernama Inggit Garnisih⁷⁷, terkenal sebagai pemimpin muda yang berpengaruh. Peristiwa duka ialah peristiwa Sukarno dipenjarakan dan peristiwa Sukarno dibuang negeri ke Endeh. Di Bandung Sukarno sudah mulai berpidato politik dan giat menulis karangan politik. Kepetahan Sukarno dan kebolehan menarik minat perhatian rakyat telah memberikan tempat yang istimewa kepada Sukarno berbanding pemimpin-pemimpin lain. Hatta dan Sjarir memang terkenal sebagai

⁷⁶Tindakan-tindakan seperti ini telah membantu imej Sukarno sebagai pembela bangsa dikalangan rakyat biasa berbanding pemimpin-pemimpin lain yang melanjutkan pelajaran ke Belanda. Sukarno lebih popular dikalangan rakyat biasa kerana kebolehan menarik minat rakyat berbanding pemimpin lain yang dengan ideologi yang sukar difahami oleh rakyat biasa. Lihat Ibid., hlm.55. Lihat juga Williard A. Hanna, Eight Nation Makers, hlm.11.

⁷⁷Buku ini ditulis berdasarkan pengalaman Ibu Inggit, dengan bantuan Ny. Ratna Djuami Asmara Hadi dan Ny. Kartika Uteh Riza Yahya, putri-putri angkat Sukarno. Lihat Ramadhan K.H., Kuantar Ke Gerbang: Kisah Cinta Ibu Inggit dengan Bung Karno, Penerbitan Sinar Harapan, 1981, hlm.33.

pemimpin nasional namun kedua pemimpin-pemimpin ini telah berada di negeri Belanda dan tidak mempunyai tarikkan massa seperti yang dipunyai oleh Sukarno.⁷⁸

Sukarno juga telah meningkat maju dalam bidang politik apabila dilantik sebagai ketua Jong Java di Bandung. Sukarno juga lebih bersifat agresif dalam ucapan pidato beliau dan pernah ketika berucap dalam 'Konsentrasi Radikal' satu gabungan organisasi-organisasi politik telah menyelar dasar-dasar Belanda dan keberanian beliau telah memberi Imej yang baik.⁷⁹ Keberanian Sukarno mengritik dasar Belanda dengan lantang tanpa menghiraukan tindakan Belanda berbanding pemimpin-pemimpin lain telah menaikkan imejnya sebagai pejuang nasional sebenar di kalangan rakyat jelata. Pada 25 Mei 1926, Sukarno lulus sebagai Jurutera dari THS dan bidang pengkhususan Sukarno ialah Jurutera Lebuhraya dan juga pengairan.⁸⁰

Pemimpin Nasional 1926-1929

*"I thus approached the end of my third windu. A windu is a period of eight years. From 1901 to 1909 was the windu of childlike thought. From 1910 to 1918 was the age of development. From 1919 to 1927 was the windu of maturization. I was now ready."*⁸¹

Tamatnya pengajiannya di THS, Sukarno memang mempunyai pilihan selain daripada bidang politik. Beliau terus memilih kerjaya politik sebagai bidang utama kerana ia menjadi darah dagingnya. Kebetulan Algemeene Studie Club (General Study Club) yang didirikan pada 17 Januari tahun 1926 iaitu sebelum ia lulus THS telah menjadi platform politik terbaik

⁷⁸Hatta dan Sjarhrir tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan Sukarno kerana kedua-dua tokoh ini pernah melanjutkan pelajaran ke Belanda.Cindy Adams, Sukarno My Friend, hlm.57.

⁷⁹Dikatakan ucapan ini telah menyebabkan polis rahsia Belanda(Dutch Secret Police) telah bertindak tegas terhadap Sukarno dengan memaksa beliau turun dari pentas.Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.64.

⁸⁰Ibid., hlm.68.

⁸¹Ibid., hlm.77.

kepada Sukarno pada masa ini. Dari sinilah Sukarno menggunakan segala kesempatan untuk menempatkan dirinya sebagai tokoh politik utama di Indonesia.⁸²

Walaupun Algemeene Studie Club ini adalah model Sutomo, cara perjuangannya adalah sangat berbeza. Ia mahukan kemerdekaan dan menolak pendapat bahawa kemerdekaan boleh dicapai melalui kerjasama dengan Belanda secara beransur-ansur. Sukarno memegang jawatan Setiausaha dalam Algemeene Club ini dan pengerusinya ialah Mr. Iskaq Tjokrohadisurjo⁸³, seorang yang baru tamat pengajian undang-undang di Belanda yang mahukan semangat Perhimpunan Indonesia(PI) disemarakkan di Indonesia.⁸⁴

Algemeene Studie Club juga menerbitkan majalahnya sendiri untuk meluahkan pandangan mereka tentang perkembangan semasa khususnya lebih kepada politik semasa. Majalah ini dinamakan Indonesia Muda dan Sukarno merupakan penyumbang utama rencana-rencana dalam majalah ini.⁸⁵ Rencana Sukarno yang dianggap sangat penting sehingga hari ini ialah Nasionalisme, Islamisme dan Marxisme yang diterbitkan dalam majalah Indonesia Muda pada tahun 1926. Rencana ini telah meletakkan Sukarno sebagai seorang tokoh yang boleh menyatukan pelbagai aliran dalam satu perikatan dan menggerakan nasionalisme Indonesia kearah objektif yang lebih jelas pada masa itu.⁸⁶

⁸²Algemeene Studie Club ini dikenali sebagai Kelompok Studie Umum dalam Bahasa Melayu. Idea ini sebenarnya diperolehi daripada tokoh politik yang sangat berpengaruh pada masa itu iaitu dr.Sutomo.Sutomo sendiri telah pun menu bukan Indonesische Studie Club pada tahun 1924 dan ia bertujuan untuk menyedarkan kaum terpelajar tentang masalah sosial dan politik pada masa itu.Lihat,J.D.Legge, An Autobiography, hlm.96-97.

⁸³Di Indonesia Mr. membawa gelaran sarjana undang-undang.Drs, gelaran Doktorat dan Ir.membawa gelaran jurutera atau dalam bahasa Belanda Ingenieur.

⁸⁴Bernhard Dahm,Sukarno and the Struggle, hlm.55.

⁸⁵Terdapat sedikit kekeliruan tentang Majalah ini, ada yang mengatakan Indonesia Muda dan ada yang mengatakan Suluh Indonesia Muda. Sebenarnya selepas penubuhan Algemene Studie Club, Sukarno dan rakan-rakannya memulakkan majalah baru yang bernama Indonesia Muda dan selepas setahun iaitu pada tahun 1927 barulah majalah suluh Indonesia Muda ditubuhkan. Buku, Dibawah Bendera Revolusi, 1965, hasil kutipan tulisan Sukarno juga tersalah fakta tentang majalah ini di mukasurat 35, iaitu dalam buku itu dcatatkan sebagai Suluh Indonesia Muda tetapi ia dari majalah Indonesia Muda.Lihat Bernhard Dahm, Sukarno and the Struggle, hlm.63. Lihat juga J.D.Legge, Sukarno: An Autobiography, hlm.99.

⁸⁶Ir.Sukarno, Dibawah Bendera Revolusi, Panitia penerbit, 1965, hlm1-25.

Nasionalisme, Islamisme dan Marxisme

Terdapat tiga gagasan politik utama pada masa itu di Indonesia iaitu Nasionalisme, Islamisme dan Marxisme dan ketiga-tiga gagasan ini terpisah kerana ideologi masing-masing. Sukarno percaya penyatuan ketiga-tiga gagasan politik ini boleh membawa kejayaan dalam mencapai Indonesia Merdeka.

"Sebab kita jakin, bahwa persatuanlah jang kelak kemudian hari membawa kita kearah terkabulnya impian kita: Indonesia Merdeka!"⁸⁷

Alasan yang dikemukakan oleh Sukarno supaya ketiga-tiga aliran itu disatukan adalah satu idea menarik dan dikatakan satu synthesis yang menunjukkan kematangan sebagai bakal pemimpin besar. Huraian rencana itu adalah seperti berikut. Sukarno berpendapat kaum Nasionalis yang tidak mahu berkerjasama dengan kaum Marxis pada dasarnya tidak memahami arah perkembangan sejarah kerana kedua-dua gagasan ini mahu menentang penjajah yang menindas serta mahu mendapatkan kemerdekaan kepada Indonesia. Begitu juga dengan kaum Marxis, mereka juga perlu bersatu dengan Nasionalis untuk mendapatkan kemerdekaan.

Sukarno dalam rencana itu, meminta kaum Muslimin supaya tidak perlu takut dengan ideologi Marxis malah perlu menerima Marxis sebagai sekutu untuk menentang penjajah. Kapitalisme mengikut Sukarno, biasanya menjadi musuh Marxisme dan begitu juga dengan kaum Muslimin. Selain itu timbul satu lagi masalah utama tentang kerjasama dengan Marxisme oleh Islamisme kerana Marxisme yang mahu berkerjasama dengan Islam dalam masa tertentu kemudiannya bila tiba masa yang sesuai cuba mengambil-alih kekuasaan adalah

⁸⁷Ibid., hlm.2. Lihat juga Sukarno, "Sulu Indonesia Muda", 1927.

satu lagi faktor yang sangat ditakuti oleh pihak kaum Muslimin⁸⁸. Sukarno menyeru kaum Muslimin agar tidak takut dengan ideologi Marxisme yang benci agama dan Sukarno berpendapat pada hakikatnya rasa permusuhan Marxisme terhadap agama ialah agama Kristian dan bukannya Islam.⁸⁹

Dalam rencana itu Sukarno menyeru kaum Marxis perlu berkerjasama dengan kedua-dua kaum yang lain untuk mencapai cita-cita Indonesia Merdeka. Marxisme pernah mengubah dogma mereka mengikut situasi setempat dan dalam konteks Indonesia, Marxis boleh berkerjasama dengan kaum Muslimin kerana yang ditentang adalah pihak Barat yang beragama Kristian. Sukarno juga membezakan Filsafat materialisme dan Historis materialisme dalam teori Marx,⁹⁰ dan menunjukkan berbezaan diantara kedua-duanya iaitu historis materialisme tidak bergantung pada filsafat materialisme.

Jika kita teliti apa yang cuba disampaikan oleh Sukarno dalam sinthesisnya amat mudah iaitu ketiga-tiga kaum ini berlegar dalam arus sentral nasionalisme tetapi dalam bentuk yang berbeza. Oleh kerana Islam adalah agama kaum yang tertindas, maka pemeluk Islam mestilah nasionalis kerana modal di Indonesia adalah modal asing maka kaum Marxis yang bertujuan melawan kapitalisme juga pejuang nasionalis. Akhir sekali Sukarno berpendapat Nasionalisme adalah ideologi yang boleh menyatukan ketiga-tiga aliran kedalam satu yang lebih besar.⁹¹

⁸⁸Ibid., hlm.14. Lihat juga Sukarno, Nasionalisme, Islamisme dan Marxisme dalam majalah yang berjudul "Suluh Indonesia Muda", 1926

⁸⁹Ibid.

⁹⁰Ibid. Lihat juga J.D.Legge, Sukarno : An Autobiography, hlm.100-101. Lihat juga Williard A.Hanna, Eight Nation Makers, hlm.8.

⁹¹Ibid.

PNI (Partai Nasional Indonesia)

Selepas lebih kurang setahun giat dalam Algemeene Studie Club, Sukarno berpendapat perlu satu parti politik untuk menyatukan semua pihak dan memperjuangkan agenda politik nasional. Pada 4 Julai 1927 sebuah organisasi politik yang bernama Perserikatan Nasional Indonesia (PNI) dan kemudian dikenali sebagai Partai Nasional Indonesia ditubuhkan dan kali ini Sukarno dipilih sebagai pengurus parti.⁹² Tujuan utama PNI ialah mendapatkan kemerdekaan penuh kepada Indonesia tanpa berkerjasama dengan pihak Belanda.⁹³ Penubuhan Parti PNI dan terpilihnya Sukarno sebagai pengurus jelas menunjukkan kewibawaan Sukarno sebagai pemimpin besar.⁹⁴

Pengalaman Sukarno di rumah Tjokroaminoto telah mengajar tentang kepentingan menyatukan semua aliran agar berkerja dalam satu wadah perjuangan nasional. Untuk itu beliau telah mulakan usahanya untuk menyatukan semua aliran ini.⁹⁵ Apakah keistimewaan Sukarno dalam tahap-tahap awal ini, sehingga beliau menonjol sebagai pemimpin besar? Formula penyatuan yang diamalkan oleh Sukarno dalam menyatukan pelbagai aliran tanpa mengira ideologi dengan satu matlamat iaitu kemerdekaan menonjolkan nama Sukarno sebagai tokoh besar. Tokoh-tokoh politik seperti Hatta dan Sjahrir lebih mementingkan ideologi tanpa memikirkan penyatuan dan keadaan ini membolehkan Sukarno diterima oleh semua walaupun

⁹²Sukarno menu buhkan Partai Nasional Indonesia bersama-sama enam orang rakan yang lain dari Algemeene Club Studie. Sebenarnya langkah untuk menu buhkan parti sudah dimulakan sejak bulan April lagi namun ia dibentuk secara sah pada bulan Julai, 1927.Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.79.Lihat juga Williard A. Hanna, Eight Nation Makers, hlm.22,

⁹³Ibid. dan Lihat rencana bertajuk, " Indonesianism" dalam Bintang Timur, Julai, 1927,

⁹⁴Tokoh-tokoh lain yang utama dalam PNI ialah Ir.Anwari, Mr.Sartono,Mr.Sunarjo, Budiarto dan juga Samsi Sastrowidagdo.

⁹⁵J.D.Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.112.Lihat juga C.L.M.Penders, Life and Times of Sukarno, hlm34.

mempunyai ideologi yang berbeza dan keadaan ini telah meletakkan Sukarno sebagai tokoh sentral yang dapat menjadi presiden Indonesia.

Kesempatan terbaik untuk menyatukan semua aliran ini muncul apabila ada berita tentang penangkapan pemimpin-pemimpin PI (Perhimpunan Indonesia) di Belanda. Antara pemimpin yang ditangkap ialah Hatta dan pemimpin utama yang lain.⁹⁶ Sukarno telah menganjurkan rapat-rapat umum di Bandung dan ia diikuti di daerah-daerah lain. Sukarno membidas sikap Belanda dan dengan berani sekali menentang kekuasaan Belanda. Sikap Sukarno ini telah menaikkan namanya sebagai tokoh utama dan beliau diberi berbagai gelaran seperti *Singa Mimbar* dan juga *Bung Karno*. Boleh dikatakan kedudukan Sukarno selepas rapat-rapat umum ini memberikan satu kedudukan yang istimewa baginya berbanding pemimpin-pemimpin lain. Hatta,pada masa itu masih berada di Belanda dan begitu juga dengan Sjahrir. Pada bulan Disember 1927, Sukarno muncul di rapat umum di Batavia dan Sukarno merasakan namanya dikenal luas serta tarikkan dan sokongan dari massa terhadap PNI adalah kerana pidato Sukarno yang berapi-api.⁹⁷

Kebanyakkhan tokoh sejarawan berpendapat, kemuncak politik Sukarno ialah apabila beliau berjaya menyatukan semua organisasi di bawah satu barisan yang dikenali sebagai Permuafakatan Perhimpunan-himpunan Politik Kebangsaan Indonesia(PPP-KI). Belum pernah dalam sejarah Indonesia berlaku keadaan sedemikian sehingga boleh menyatukan semua organisasi dalam satu barisan.⁹⁸ Gabungan ini dipersetujui antara PNI, Sarekat Islam, Boedi

⁹⁶Ibid.

⁹⁷Perkataan Bung berasal dari kata Abang iaitu panggilan kepada orang yang lebih tua tetapi bagi Sukarno ini lebih kepada hubungan rapat dengan rakyat Indonesia.terdapat tiga tokoh yang dikenali dengan Bung, yang terkenal ialah Sukarno dengan Bung Kurni manakala Sjahrir dikenali dengan gelaran Bung Ketjil(kecil) dan Hatta dikenali sebagai Bung katja Mata.Lihat Willard A.Hanna, Eight Nation Makers, hlm.22.

⁹⁸J.D.Legge, A Political Biography, hlm.113. Sukarno menerangkan struktur dan method kerjasama PPP-KI. Untuk keterangan lihat Majalah, Suluh Rakjat Indonesia, 28 Desember 1927,dan Suluh Indonesia Muda,January 1928.

Oetomo, Pasundan, Sumatranen Bond, Kaum Betawi dan Kelompok Studie dr. Sutomo.PPKI ini lebih kepada berbentuk federasi dari berbagai golongan yang ada tanpa ideologi yang ditetapkan tetapi matlamat yang utama ialah Kemerdekaan.⁹⁹

Sukarno terus maju dengan agenda politiknya tanpa menoleh belakang. Pada tahun-tahun seterusnya, Sukarno menjadi sangat sibuk menghadiri rapat-rapat umum untuk berpidato. Sejak penubuhan PNI sehingga tahun 1929 Sukarno sudah menjelajah hampir keseluruhan bandar untuk berpidato dan tentunya ini telah memberikan kedudukan istimewa dikalangan rakyat jelata. Dalam Kongres Pemuda di Batavia pada 27 dan 28 Oktober 1928, satu lagi kejayaan dicapai melampaui batasan pembahagian suku. Kongres ini disertai oleh organisasi pemuda penting seperti Jong Java, Jong Bataksbond, Jong Sumatera, Jong Islamieten Bond, Jong Celebes dan lain-lain lagi.¹⁰⁰ Kongres ini melahirkan Sumpah Pemuda yang terkenal, yang berdasarkan pada sejarah dan keinginan yang sama untuk mempertahankan bangsa dan negara Indonesia di atas dasar" satu Tanah air, satu Bangsa dan Satu Bahasa.¹⁰¹

Selama 2 tahun penubuhan PNI, Sukarno telah mencapai banyak kejayaan dari segi politik iaitu dalam menyatukan kelompok-kelompok pecah dalam satu ikatan dan menarik minat massa terhadap perjuangan politik nasional. Kegiatan selama dua tahun ini turut menjadi asas kepada kemajuan diri peribadi Sukarno dalam politiknya. Faktor yang paling penting dalam dirinya ialah kebolehan berpidato sehingga boleh mempersonakan pendengar dan boleh menaikkan semangat cintakan negara.¹⁰²

⁹⁹Ibid.

¹⁰⁰Ibid

¹⁰¹Konsep ini telah membawa satu kesatuan kepada negara Indonesia yang terbahagi mengikut suku,wilayah dan Bahasa. Kejayaan menyatukan pemuda yang berbagai suku juga telah menaikkan nama Sukarno dikalangan golongan pemuda pada masa itu berbanding tokoh-tokoh pemimpin Indonesia yang lain. Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.87.Lihat juga C.L.M.Penders, The Life and Times,hlm.36.

¹⁰²J.D.Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.120.Lihat juga Solichin Salam, Bung Karno: Putera 146.hlm.

Ucapan-ucapan Sukarno biasanya, berkisar tentang pentingnya perpaduan antara pelbagai aliran politik di Indonesia tanpa mengira ideologi tetapi yang dipentingkan ialah kemerdekaan Indonesia. Sejak dari awal lagi sama ada melalui tulisan atau ucapan, Sukarno sangat mementingkan perpaduan di antara pelbagai ideologi politik dan pemimpin serta organisasi-organisasi politik. Ucapan-ucapan Sukarno memberi idea kepada kemerdekaan serta menarik minat massa terhadap perjuangan nasional. Gaya Sukarno yang memberi ucapan berapi-api telah menjayakan cita-citanya untuk menyatukan pemimpin dan rakyat Indonesia ke arah kemerdekaan Indonesia yang sebenar.

Perjuangan yang sebenar

Selama ini pihak penjajah Belanda tidak begitu tergugat dengan gerakan nasionalisme yang begitu pesat pada abad ke-20 dan dasar Belanda juga lebih longgar terhadap kegiatan parti dan juga organisasi politik di Indonesia pada masa itu.¹⁰³ Sukarno telah menyedarkan rakyat jelata tentang pentingnya satu kesatuan Indonesia untuk mencapai kemerdekaan. Kepopularan PNI dan sikap anti-penjajahannya telah mengugat pihak Belanda di Indonesia. Menyedari keadaan, pihak Belanda cuba menyekat pergerakan nasionalis ini melalui pelbagai cara tetapi Sukarno tidak mengendahkan langsung ancaman Belanda dan terus giat dalam

¹⁰³ Sebelum ini dasar Belanda terhadap parti politik tidak menentu, pada abad ke-20 ia lebih toleran manakala pada abad ke-30 lebih tegas terhadap gerakan nasionalisme. Perkara yang nyata ialah kepimpinan Sukarno telah mengugat penjajah Belanda sehingga terpaksa bertindak tegas terhadap pemimpin-pemimpin nasionalis. *Ibid.*, hlm.129-130.

politik dengan rapat-rapat umum dan pidato di merata tempat disamping undangan dari PPPKI.¹⁰⁴

Pada 29 Disember 1929, ancaman yang menghantui pemikiran Sukarno menjadi kenyataan apabila dia ditangkap bersama Gatot Mangkupradja di Yogyakarta.¹⁰⁵ Sejurus tangkapan terhadap Sukarno, Ribuan orang ditangkap termasuk 40 orang tokoh PNI dan pada pagi minggu itu telah diadakan penggeledahan di seluruh Jawa. Belanda menggunakan alasan bahawa satu pemberontakan akan diadakan terhadap penjajah Belanda.¹⁰⁶ Dengan penangkapan tokoh-tokoh ini, berakhirlah zaman yang boleh dikatakan longgar terhadap perjuangan PNI dan yang dihukum bukan sahaja pemimpin malah gerakan baru nasionalisme itu sendiri.¹⁰⁷

Penjara Bantjeuj dan Sukamiskin

Sukarno pada mulanya dipenjarakan di penjara Bantjeuj penjara.¹⁰⁸ Pada 22 Disember 1930, Sukarno bersama tiga tahanan lain didapati bersalah dan Sukarno dikenakan hukuman penjara empat tahun kerana cuba menentang pemerintah Belanda dengan aktiviti-aktiviti politik yang dilarang oleh pemerintah Belanda. Sukarno, seperti yang diketahui sememangnya sedar bahawa peluang untuk dirinya dibebaskan adalah sangat tipis maka telah menggunakan

¹⁰⁴ Undang-undang jelas menyatakan bahawa seseorang yang mengeluarkan rasa benci atau permusuhan secara tertulis atau lisan atau mengadakan hubungan langsung atau tidak langsung dengan kegiatan menghasut, memberontak atau-atau lain-lain aktiviti terhadap pemerintah Belanda boleh dikenakan hukuman sehingga tujuh tahun. Sukarno memang sedar akibat yang akan diterima terhadap perjuangan beliau dan sedia menghadapi apa sahaja tindakan pemerintah Belanda. Lihat, Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.91. Lihat juga Artikel bertajuk "Menjambut Kongres PPPKI" dalam Majalah Suluh Indonesia Muda, 1933.

¹⁰⁵ Gatot Mangkupradja adalah salah seorang wakil PNI yang mengiringi Sukarno pada masa itu. Ibid.

¹⁰⁶ Sebahagian besar dibebaskan selepas didapati tidak bersalah tetapi Sukarno, Mangkupradja dan dua tokoh lain utama PNI iaitu Maskun dan Supriadinata yang ditangkap sejurus penangkapan Sukarno tidak dibebaskan. Ibid., hlm.96.

¹⁰⁷ Lihat C.L.M.Penders, Life and Times, hlm.36-37. Lihat juga J.D.Legge, Sukarno: A Biography, hlm.131.

¹⁰⁸ Penjara Bantjeuj didirikan pada abad kesembilanbelas dan dikatakan jenis penjara yang tingkat rendah, keadaanya sangat kotor dan sudah usang. Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.96. Lihat juga Sukarno, Dibawah Bendera Revolusi, Surat yang ditulis oleh Sukarno dari Penjara Sukamiskin, hlm.115.

kesempatan ini untuk menjadikannya penangkapan beliau sebuah peristiwa politik dengan menolak semua bantuan profesional undang-undang dan mahu membela diri tanpa bantuan peguam.¹⁰⁹ Pada 1 Disember 1930, Sukarno dibenarkan untuk membuat ucapan pembelaan yang disusunnya sendiri yang kemudian terkenal sebagai Indonesia menggugat.¹¹⁰

Selepas dijatuhkan hukuman,¹ Sukarno dihantar ke penjara Sukamiskin. Oleh kerana buku-buku politik tidak dibenarkan dibaca di penjara ini, menyebabkan Sukarno menempatkan diri lebih dekat dengan membaca buku-buku tentang Islam di Sukamiskin¹¹¹ berbanding pada waktu-waktu sebelumnya. Legge berpendapat Sukarno tidak pernah memeluk Islam sepenuh hati tetapi apa yang dipelajari ini telah digunakan dengan baik untuk menarik minat golongan tertentu semasa memberi pidato dikhayal ramai.¹¹²

Lumpuhnya Nasionalisme

Belanda hampir berjaya melumpuhkan kegiatan nasionalisme di Indonesia dengan penangkapan tokoh-tokoh utama PNI. Penangkapan tokoh PNI telah menyebabkan kegiatan nasionalisme menjadi lembab dan tidak ada sebarang rapat umum terhadap penjajah Belanda. Nampaknya, pemimpin-pemimpin ini lebih bergantung kepada peribadi Sukarno dan ketiadaan

¹⁰⁹Hatta menggunakan cara ini semasa beliau ditahan di Belanda pada Jun 1927 kerana aktiviti politik Perhimpunan Indonesia(PI), Namun Hatta dalam situasi liberal di Belanda berjaya menyakinkan para Hakim sehingga dibebaskan tetapi di Indonesia situasinya dibawah pemerintahan Kolonial dan adalah mustahil untuk mendapatkan keadilan.Lihat, J.D.Legge, Sukarno: A Biography, hlm.143.Lihat juga Willard A.Hanna, Eight Nation Makers, hlm.23-25.

¹¹⁰Pidato pembelaan ini pada asalnya disusun dalam bahasa Belanda tetapi telah diterjemahkan dalam Bahasa Indonesia yang bertajuk Indonesia menggugat. Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.104.

¹¹¹Mengikut Willard dalam bukunya Eight Nation Makers, Penjara Sukamiskin ini telah dirancangkan oleh Sukarno semasa beliau menjadi arkitek. Namun dalam Otobiografi Sukarno tidak ada berita tentang fakta ini.Lihat Ir.Sukarno, Di bawah Bendera Revolusi, Penerbit Panitia, hlm.119.

¹¹²J.D.Legge, Sukarno: An Autobiography, hlm.143. Lihat juga, Surat-surat yang ditulis oleh Sukarno kepada T.A.Hassan: Guru "Persatuan Islam", Bandung yang bertajuk " Surat-surat Islam Dari Endeh" dalam, Di Bawah Bendera Revolusi I, hlm.325-344.

Sukarno dan pemimpin -pemimpin lain menyebabkan lahir parti-parti baru. Antara parti itu ada parti yang lebih bertolak ansur dengan pemerintah Belanda.¹¹³

Penangkapan tokoh-tokoh penting membawa satu keadaan yang tidak tersedia dikalangan anggota parti untuk menghadapi pihak Belanda. Ini juga membawa kepada satu keadaan porak-peranca dalam nasionalisme Indonesia. Namun ia telah memberikan kedudukan yang istimewa kepada Sukarno sebagai tokoh sentral. Ketiadaan beliau menyebabkan sukar untuk mengemudikan semua pihak untuk bersatu dan menentang penjajah Belanda. Ketiadaan Sukarno menyebabkan tiada aktiviti politik yang boleh mengancam kedudukan Belanda. Nyata, peristiwa-peristiwa ini membuktikan Sukarno sudah menjadi pemimpin besar bukan sahaja dikalangan kawan tetapi juga di pihak lawan¹¹⁴

*"Meanwhile, "Indonesia Accuses"(Indonesia menggugat) had been circulated throughout the courts of Europe and many official complaints were lodged from jurists"*¹¹⁵

Sukarno dibebaskan dari penjara Sukamiskin pada 31 Disember 1931, dan hukumannya dikurangkan dari empat tahun kepada dua tahun kerana tekanan masyarakat antarabangsa. Sekembalinya, Sukarno dpati berlaku perpecahan di kalangan ahli parti dan terdapat banyak parti baru, PNI yang ditubuhkan oleh Sukarno itu sudah pun dibubarkan. Perkara yang lebih membingungkan Sukarno ialah beliau terpaksa berhadapan dengan banyak muka baru seperti Hatta dan Sjahrir.

¹¹³Hatta dari awal lagi telah menasihatkan pemimpin-pemimpin supaya membentuk ribuan Sukarno dan tidak hanya menyanjung satu-satunya itu. Nampaknya pendapat Hatta ini menjadi kenyataan selepas penangkapan Sukarno. Lihat C.L.M.Penders, Life and Times, hlm.28-29

¹¹⁴Ibid., hlm.146.

¹¹⁵Pidato pembelaan ini sangat popular sebagai satu propaganda politik terhadap pihak Belanda dan akibat kegagalan Belanda memberi alasan yang kukuh menyebabkan tekanan dari masyarakat antarabangsa terhadap hukuman yang dikenakan kepada Sukarno. Lihat Pidato pembelaan ini yang dibukukan dengan tajuk Indonesia Menggugat, Djakarta, 1953.

Hatta dan Sjahrir

Pada tahap awal Hatta dan Sjahrir telah melanjutkan pelajaran ke Belanda dan menjadi pemimpin utama Perhimpunan Indonesia (PI).¹¹⁶ Kedua-dua tokoh ini juga tidak mempunyai pengaruh keatas Sukarno. Sekembalinya dari Belanda pada tahun 1931 kedua-dua tokoh menggabungkan diri dalam Perkumpulan Nasional Indonesia dan mula memainkan peranan penting dalam politik nasional. Keadaan ini telah menimbulkan konflik di antara Sukarno dengan Hatta dan Sjahrir. Tokoh-tokoh ini tidak dapat dikuasai dengan mudah seperti pemimpin terdahulu kerana mereka ini mempunyai pandangan sendiri dan cara bertindak mengikut kemauhan mereka.¹¹⁷

Sukarno cuba menyatukan kembali dua pihak yang bersaing diantara mereka pada masa itu, iaitu Partindo dan PNI baru¹¹⁸ tetapi ia tidak membawa hasil seperti yang diharapkan oleh Sukarno. Sukarno juga gagal dalam usahanya untuk menghidupkan kembali ikatan PPPKI yang dahulu.¹¹⁹ Sukarno terpaksa berhadapan dengan tokoh yang lebih kritis dan keadaan ini menyebabkan konflik peribadi diantara kedua-dua tokoh berpanjangan bukan sahaja pada masa itu tetapi juga selepas Indonesia Merdeka. Sukarno pada mulanya tidak memilih mana-mana parti untuk disertai tetapi mahu menyatukan semuanya dalam satu ikatan supaya dia dapat menjadi tokoh sentral selama-lamanya. Jika ia memilih salah satu parti, dia hanya akan menjadi tokoh salah satu pecahan gerakan sahaja.

¹¹⁶Lihat Charles Wolf, Jr, The Indonesian Story, The John Day Company, New York, 1948, hlm.91.

¹¹⁷J.D.Legge, Sukarno: An Autobiography, hlm.155.

¹¹⁸Kelab Pendidikan Nasional Indonesia ditubuhkan pada 1932, ia juga dikenali sebagai Perkumpulan PNI atau PNI Baru.Ia dinamakan PNI Baru kerana mahu membawa perjuangan yang lama seperti ditubuhkan dahulu.Ibid., hlm.149.

¹¹⁹Hatta berpendapat usaha yang terdahulu dalam menyatukan PPPKI itu tidaklah begitu kukuh dan sejati kerana itu ia mudah tergugat semasa ketiadaan pemimpin-pemimpin utama PNI. Hatta umpamakan PPPKI sebagai persatean (sate) daripada persatuan kerana ia seperti potongan-potongan kecil daging yang ditusuk menjadi satu.lihat, Ibid., hlm.156.

Tetapi hasrat itu tidak tercapai. Beliau menyertai Partindo pada 28 Julai 1932 dan terus dilantik sebagai pengurus parti.¹²⁰ Sukarno meneruskan kerjaya politik dari parti ini dan ia juga seperti biasa mendapat sokongan dari massa. Dalam masa 2 tahun penubuhan PNI dan kebijaksaan Sukarno dalam menyatukan semua aliran melalui PPKI telah meletakkan dirinya sebagai ahli politik yang unggul dan tiada tandingan pada masa itu. Sukarno merupakan simbol penyatuan pelbagai aliran ke dalam satu perjuangan iaitu perjuangan untuk mendapat kemerdekaan.¹²¹

Dibuang ke Ende

Genap lapan bulan selepas dibebaskan dari penjara Sukamiskin, Sukarno sekali lagi ditahan oleh penajah Belanda atas alasan yang sama seperti dahulu. Kali ini dibuang negeri ke Pulau Flores dan ditempatkan di Kota terpencil Ende supaya dia tidak giat dalam politik di Pulau Jawa.¹²² Pihak Belanda juga menangkap pemimpin-pemimpin lain seperti Hatta dan juga Sjahrir dan kedua-dua ini dibuang ke Boven Digul, Irian dan kemudian pada tahun 1936 dipindahkan ke Pulau Banda.¹²³ Di Ende, Sukarno berpeluang untuk mendalami Islam melalui surat dengan seorang tokoh ulama yang bernama T.A. Hassan yang tinggal di Bandung. Namun Sukarno lebih berminat aspek modernisasi dalam Islam berbanding soal yang mendalam tentang agama Islam itu sendiri.¹²⁴

¹²⁰Cindy Adams, Sukarno : An Autobiography, hlm.119.

¹²¹Lihat Artikel Sukarno di Majalah Suluh Indonesia Muda yang bertajuk "Kearah Persatuan!" (Menjambut Tulisan H.A.Salim), Bandung, 12 Augustus 1928 dalam Di Bawah Bendera Revolusi 1, hlm.109-114.

¹²²Ende merupakan sebuah kampung nelayan yang sangat terpencil dan jumlah penduduk hanya seramai 5,000 orang sahaja. Lihat, Ibid., hlm.127. Waktu inilah Sukarno mula mendalami agama Islam dengan tekun. Lihat Surat-surat Islam Dari Ende dalam Di bawah Bendera Revolusi 1, hlm.325-344.

¹²³Ibid., Lihat J.D.Legge, Sukarno: A Political Biografi, hlm. 170. Lihat juga, Williard A.Hanna, Eight Nation Makers, hlm.28-29.

¹²⁴Ibid.

Walaubagaimanapun, Sukarno tidak tinggal lebih lama di Ende kerana beliau menghadapi penyakit malaria dan dipindahkan ke Bengkulu, Sumatera Selatan pada tahun 1938.¹²⁵ Di Bengkulu, Pemimpin Muhammadiyah yang bernama Pak Hassan Din telah bertemu dengan Sukarno dan meminta Sukarno mengajar di sekolah rendah kerana sekolah itu kekurangan guru pada masa itu.¹²⁶ Di sinilah Sukarno berkenalan dengan anak perempuan Pak Hassan Din yang bernama Fatmawati.¹²⁷ Zaman pendudukan Jepun telah memberi satu lagi kedudukan kepada Sukarno sebagai pemimpin utama Indonesia.

Pendudukan Jepun

Jepun menakluki Indonesia pada 12 Februari 1942 dan secara tidak langsung Sukarno bebas dari buangan negeri. Pihak Jepun ingin menggunakan kepopularan Sukarno untuk mendapatkan sokongan rakyat Indonesia. Slogan-slogan Jepun seperti "Japan the leader of Asia, Japan the protector of Asia and Japan the light of Asia" telah menarik perhatian pemimpin-pemimpin Indonesia. Jepun menggunakan pemimpin-pemimpin terkemuka ini untuk tujuan dakyah termasuklah Sukarno. Tujuan Jepun ialah mahu mengurangkan penentangan terhadap kewibawaan Jepun.

Sebenarnya, dasar Jepun ini juga telah memberikan kedudukan yang baik kepada Sukarno. Kedudukan ini digunakan dengan baik untuk menguatkan semangat nasionalisme

¹²⁵Cindy Adams,Sukarno: An Autobiography, hlm.137.

¹²⁶Hubungan Sukarno dengan T.A.Hassan di Bandung menyebabkan dia dipandang tinggi oleh tokoh Muhammadiyah ini lalu memintanya untuk menjadi tenaga pengajar di sekolahnya. Lihat Ibid, lihat juga Sukarno,Surat-surat Islam dari Ende, dalam DiBawah Bendera Revolusi, hlm.325-347.

¹²⁷Hubungan di antara Sukarno dan Fatimawati berlanjutan sehingga tahun 1943, dan akhirnya mereka berkahwin pada June 1943 dan hasil perkahwinan ini mereka dikurniakan lima orang anak iaitu dua lelaki dan tiga orang perempuan. Anak pertama ialah Megawati (Presiden Indonesia yang kelima),Guntur,Rachmawati, Sukamawati, Guruh Irianto. Sukarno telah berkahwin dengan Fatimawati dan menceraikan Inggit dengan alasan dia tidak memberikan anak selepas tujuh belas tahun berkahwin.Lihat Ibid, hlm.142.

dikalangan rakyat melalui ucapan-ucapan dan juga aktiviti politik yang lain. Sukarno menerima tawaran Jepun dan berkerjasama dengan Jepun untuk menghancurkan imprealisme barat¹²⁸. Sememangnya, Sukarno benci penjajahan Belanda. Seperti biasa Hatta dan Sjahrir tidaklah begitu menyokong pihak Jepun sebagai pembebas negeri-negeri Asia Tenggara dan kedua-dua tokoh lebih menyokong pemerintahan Belanda daripada Jepun. Sikap ini adalah kerana kebanyakkan yang mendapat pendidikan di Belanda berpendapat bukan orang Belanda yang menjadi musuh, tetapi sistem imprealisme Belanda.¹²⁹ Walaubagaimanapun, Sukarno berjaya memujuk mereka untuk berkerjasama dengan Jepun.

Jepun memberi peluang kepada Sukarno untuk berucap dalam radio dengan tujuan menarik sokongan rakyat Indonesia terhadap penjajahan Jepun. Sukarno telah menggunakan kesempatan ini untuk mananamkan semangat nasionalisme melalui pidato. Jepun tidak dapat mengesan ucapan Sukarno kerana banyak menggunakan perlambangan dan cerita -cerita dari Mahabhratha. Contohnya, sambil menunjuk kepada seorang askar Jepun yang sedang mengawal dengan senapang , Sukarno berkata," dia menjalankan tugasnya kerana dia cinta kepada tahan airnya. Dia berperang untuk bangsanya.Dia bersedia mati demi kehormatan tanah airnya.Begitu juga kita". Secara tersirat Sukarno menggunakan kesempatan untuk mananamkan semangat cinta kepada negara dan pada masa yang sama berkerjasama dengan pihak Jepun.

Sememangnya terdapat banyak sumbangan Jepun dan tidak kurang juga kesengsaraan pada zaman pendudukan Jepun. Antara Sumbangan Jepun yang penting ialah Penubuhan PUTERA(Pusat Tenaga Rakyat) adalah untuk mendapatkan sokongan rakyat Indonesia terhadap perjuangan menentang Barat. Ini telah menguatkan kesedaran nasionalisme serta keinginan untuk mendapatkan kemerdekaan. Selain itu, penubuhan PETA (Pembela Tanah Air)

¹²⁸ Lihat Asia Raya, 30 September 1944.

¹²⁹ J.D.Legge, Sukarno: An Autobiography, hlm.188.

yang dipimpin oleh pegawai Indonesia dan dilatih oleh tentera Jepun dengan tujuannya mahu mempertahankan serangan kuasa Barat juga membolehkan Indonesia mempunyai pasukan tentera bersenjata.¹³⁰

Tindakan Jepun terhadap pentadbir-pentadbir Belanda menyebabkan Jepun mengalami masalah kekurangan pentadbir dan untuk mengatasi masalah ini golongan terpelajar di Indonesia mendapat kesempatan. Pengalaman ini telah memberi keyakinan kepada rakyat Indonesia untuk mentadbir Indonesia tanpa bantuan kuasa lain. Akhirnya, pengurniaan kemerdekaan kepada Indonesia adalah sumbangan yang sangat besar kepada Indonesia walaupun kemerdekaan ini diberi dalam keadaan terdesak ;manakala buruh paksa merupakan kesengsaraan yang tidak dapat dilupakan oleh penduduk Indonesia sehingga sekarang.

Zaman pendudukan Jepun telah banyak menimbulkan kontroversi terhadap peranan Sukarno sebagai Patriot. Boleh dikatakan tempoh pemerintahan Jepun telah merosakkan imej Sukarno sebagai Patriot. Ramai di antara tokoh politik pada masa itu menuduh Sukarno sebagai pengkhianat kerana beberapa dasar kerjasama beliau dengan pihak Jepun. Sejaumanakah tuduhan-tuduhan yang dilemparkan ini benar? betulkah apa yang didakwa oleh lawan-lawan politiknya. Seperti yang diketahui, Sukarno jarang menjawab kritikan terhadap beliau tentang peranan beliau pada zaman Jepun.

Penulis otobiografi Sukarno iaitu Cindy Adams menghadapi kesulitan untuk mendapatkan penerangan tentang masalah ini, kerana sikap Sukarno yang suka berdolah-dalih dan enggan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Dengan usaha yang berterusan,

¹³⁰Pasukan tentera PETA ini kemudian memainkan peranan penting selepas peristiwa proklamasi kemerdekaan.

Cindy Adams (penulis Otobiografi) berjaya mendapatkan jawapan keatas semua tuduhan yang dilembarkan kepada Sukarno selama ini.

Persoalan yang menarik tentang Sukarno pada tahap ini ialah adakah dia seorang Kolaborator atau Patriot?¹³¹ Ada sejarawan yang mengritik sikap Sukarno dan ada yang menerima hakikat situasi masa itu. Kerjasama Sukarno dengan Jepun untuk mengumpulkan Romusha¹³² semasa Jepun menghadapi masalah untuk menyelesaikan projek-projek peperangannya di luar Indonesia menjadi satu persoalan yang menarik dalam tahap ini. Romusha bermaksud pekerja-pekerja yang disambar oleh Jepun secara paksa dari pinggiran jalan dan dari kampung-kampung. Lelaki yang berumur di antara 16-60 tahun biasanya menjadi sasaran Jepun. Ketiadaan kaum lelaki di kampung-kampung halaman menyebabkan kaum perempuan terpaksa menjalankan kerja membajak dan membanting di sawah.

Tindakan Jepun ini mendapat bantahan dari kaum perempuan. Untuk mengatasi masalah ini dan untuk mendapatkan Romusha, pihak Jepun mencari jalan dengan cara lain iaitu para Romusha dikatakan akan diberi gaji yang lumayan dan akan diberi gelaran "Pahlawan kerja." Pada hakikatnya mereka dijadikan hamba paksa sehingga ramai mati dalam pekerjaan ini. Untuk mendapat sokongan dari rakyat Indonesia, pihak Jepun telah menggunakan kepopularan Sukarno untuk menyokong tindakan Jepun.

¹³¹Sesungguhnya zaman Jepun ini telah merosakkan imej Sukarno sebagai hero Indonesia kerana berkerjasama dengan Jepun dan menyerahkan pemuda Jepun secara sukarela kepada Jepun untuk menjalankan kerja-kerja paksa.Ramai yang menuduh Sukarno sebagai penderhaka, pihak Belanda selepas Jepun menyerah kalah menuduh Sukarno sebagai penjenayah peperangan atas masalah yg sama. Sukarno juga dikecam hebat oleh rakan seperjuangan sendiri pada period ini.Sukarno jarang menjawap kritikan ini tentang zaman pendudukan Jepun sehingga penulisan Otobiografinya sendiri.Sukarno selalu mencari helah dan enggan menjawab soalan ini dan beberapa kali cuba mengelakkan perbincangan tentang bab ini.Cindy Adams,Sukarno: My Friend, hlm.179-187,

¹³²Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.192, dan lihat B.R.O'G.Anderson, Some Aspects of Indonesian Politics Under Japanese Occupation, 1944-1945.

Sebagai balasan kepada kerjasama ini, Jepun sentiasa percaya Sukarno sebagai orang yang boleh diharapkan dan Sukarno juga dapat mengekalkan kedudukan beliau sebagai pemimpin sentral pada zaman pendudukan Jepun. Sukarno sendiri telah bergambar di Bogor dengan memakai topi dikepala dan cangkul di tangan untuk menunjukkan betapa mudahnya menjadi Romusha. Ramai yang mendaftar untuk menjadi Romusha kerana Sukarno. Sukarno sendiri telah bertindak untuk mendaftarkan rakyatnya menjadi Romusha. Malangnya kebanyakkan mereka yang menjadi Romusha sudah mati dalam kerja-kerja paksa sehingga timbul kemarahan terhadap sikap Sukarno yang menjual rakyatnya sendiri.

Satu lagi tindakan Sukarno yang mendapat kecaman hebat pada zaman pendudukan Jepun ialah menyediakan pelacur tempatan kepada askar Jepun. Kebanyakan pemimpin politik mengecam tindakan Sukarno ini sebagai tidak bermoral.¹³³. Selain itu, kritikan ketiga terhadap Sukarno ialah tindakannya meminta saudagar-saudagar beras menyerahkan beras kepada tentera Jepun walaupun rakyatnya sendiri dalam keadaan kebuluran. Kebanyakan pemimpin politik di Indonesia dan juga sejarawan mengecam tindakan Sukarno ini dan menuduh beliau sebagai kolaborator Jepun.¹³⁴

Pada pendapat saya, sikap Sukarno ini perlu dilihat dalam situasi zaman Jepun. Sukarno terpaksa melakukan semua ini semata-mata untuk satu tujuan yang lebih murni. Jika Sukarno enggan berkerjasama dengan Jepun, tentunya pihak Jepun akan menggunakan kekerasan dan paksaan untuk mencapai cita-cita mereka. Mereka boleh memaksa sesiapa sahaja untuk menjadi Romusha. Jika berlaku keadaan seperti berikut, tentu Jepun akan lebih agresif terhadap

¹³³Ibid., hlm.163.

¹³⁴Ibid., hlm.164. Lihat P.S.Gerbandy. Perdana Menteri Belanda pada masa perang dalam bukunya, Indonesia, London, 1950, hlm. 51 dan hlm. 53. menuduh Sukarno sebagai "Penjilat Ludah" orang Jepun.

rakyat Indonesia sehingga berlaku satu keadaan yang tidak menentu. Mungkin betul, apa yang dikatakan oleh Sukarno, seperti berikut:

"There are casualties in every war. A Commander-in-chief's job is to win the war even if it means losing a few battles on the way. If I must sacrifice thousands to save millions, I will. We are in a struggle for survival. As leader of this country I cannot afford the luxury of sensitivity"¹³⁵

Kesediaan menyediakan pelacur dipandang sebagai satu perbuatan yang tidak bermoral. Namun dalam situasi itu, tentera Jepun yang inginkan seks akan melakukan apa sahaja untuk memuaskan nafsu mereka. Pada masa itu, ada juga tentera Jepun cuba mengganggu perempuan tempatan, lebih-lebih lagi perempuan Minangkabau, di Sumatera yang dikatakan kuat beragama¹³⁶. Sememangnya, Jepun boleh melakukan apa sahaja kerana kekuatan senjata mereka tanpa banyak tentangan dari rakyat Indonesia. Sukarno bijak menyelesaikan masalah ini dengan menyediakan pelacur supaya gadis tempatan tidak diganggu. Jika tidak, ia akan membawa pelbagai masalah sosial dalam jangkamasa panjang kepada rakyat Indonesia. Sukarno juga dikatakan telah mendapat nasihat dari ahli agama terlebih dahulu tentang perkara ini¹³⁷ dan dianggap sebagai satu perbuatan yang tidak berdosa.

Kerjasama Sukarno dengan Jepun juga membawa banyak manfaat kepada Indonesia seperti penubuhan PETA, PUTERA. Selain itu, Sukarno menggunakan hubungan rapat dengan Jepun untuk menyelamatkan ramai tokoh dari dibunuhi oleh Jepun kerana aktiviti bawah tanah menentang Jepun. Antara tokoh yang berjaya diselamatkan oleh Sukarno ialah Amir Sjarifuddin dan ramai lagi. Begitulah period zaman pendudukan Jepun disamping pelbagai

¹³⁵Ibid., hlm193.

¹³⁶Ibid., hlm. 163-164.

¹³⁷Sukarno mendapat nasihat dari seorang Kiai, dan Kiai itu sangat setuju dengan rancangan Sukarno dan mengatakan bahawa perbuatan ini tidak dianggap sebagai dosa. Lihat Ibid., hlm.164.

masalah. Akhirnya Sukarno berjaya mendapatkan kemerdekaan dari Jepun, tetapi kemerdekaan ini tidak diterima oleh Belanda. Keengangan Belanda menyebabkan berlaku revolusi dari tahun 1945-1949 diantara Indonesia dengan Belanda.

Analisis zaman pendudukan Jepun.

Pada awal tahun 1941 hingga 1943, Sukarno memang masih merupakan pemimpin utama dalam arena politik Indonesia. Jepun membebaskan Sukarno dari tahanan kemudian mendapatkan kerjasama Sukarno untuk memperoleh sokongan rakyat Indonesia. Sebagai balasan, Jepun membenarkan Sukarno menulis dalam akhbar dan membuat ucapan di merata tempat diseluruh Indonesia. Kemudahan kenderaan disediakan kepada Sukarno untuk bergerak dari satu tempat ketempat yang lain. Sukarno masih dihormati sebagai seorang pemimpin utama.

Pada tahun 1944-1945 atau fasa kedua, kepopularan Sukarno menjadi merosot kerana beberapa tindakan Sukarno yang menyokong kekejaman Jepun. Pembunuhan rakyat Indonesia yang tidak berkerjasama dengan Jepun, kerja paksa Romusha, membenarkan gadis tempatan menjadi pelacur dan masalah kebuluran kerana tidak cukup makanan menyebabkan rakyat mula membenci pemimpin kesayangan mereka. Kesemua faktor ini menjadi lebih kritikal apabila ada pemimpin muda yang menjalankan operasi bawah tanah menentang Sukarno secara nyata. Kesemua faktor ini hampir-hampir cuba merosakkan peranan Sukarno dalam politik Indonesia. Boleh dikatakan kebijaksanaan Sukarno memproklamasikan kemerdekaan serta pengisytiharan Revolusi terhadap Belanda telah mengembalikan posisi Sukarno sebagai pemimpin utama dan pada tahap seterusnya beliau dipilih sebagai Presiden Indonesia.

KESIMPULAN

Pengalaman Sukarno, pendidikan Sukarno, hubungan beliau dengan tokoh-tokoh terkemuka serta pembacaannya yang meluas telah membentuk satu bentuk ideologi yang lebih sesuai dengan keperibadian Indonesia. Namun kepulangan tokoh-tokoh seperti Hatta dan Sjahrir telah menyukarkan ideologi Sukarno diimplementasi di Indonesia. Hatta dan Sjahrir lebih cenderung dengan konsep Demokrasi Liberal tetapi Sukarno lebih kepada konsep musyawarah. Sukarno terpaksa akur dengan desakan semasa tetapi beliau menunggu masa yang sesuai untuk menggagalkan Demokrasi Liberal. Bab-bab berikut akan mengkaji secara khusus konflik berterusan individu semasa Demokrasi Liberal diperkenalkan.